



# **bab 10**

## **Pelancongan**

# Bab 10: Memperkasakan Industri Pelancongan

*“Sektor pelancongan akan kekal menjadi peneraju utama pembangunan ekonomi Malaysia. Sektor yang mampan dan menjana pulangan tinggi ini akan terus memacu ekonomi Malaysia dengan, menyediakan pendapatan dan peluang pekerjaan kepada Rakyat.*

*Hari ini, Malaysia mencapai kedudukan yang kukuh dalam pelancongan global. Kami merupakan negara ke-9 yang paling banyak dikunjungi di dunia dan memperoleh RM1 bilion penerimaan daripada pelawat asing setiap minggu. Menyedari kelebihan dan kedudukan kukuh yang dimiliki kami dalam industri pelancongan pada peringkat global, Kerajaan bersama-sama dengan sektor swasta adalah komited untuk memajukan lagi sektor ini untuk manfaat seluruh Rakyat.*

*Kita telah meletakkan sasaran untuk mencapai 2020:36:168, iaitu pada tahun 2020, Malaysia akan menerima 36 juta ketibaan pelancong dengan penerimaan sebanyak RM168 bilion. Ini bermaksud bahawa industri pelancongan akan berkembang sebanyak tiga kali ganda dan pelancongan akan menyumbang penerimaan berjumlah RM3 bilion setiap minggu kepada negara pada tahun 2020. Hasrat yang strategik ini bakal dicapai menerusi 12 inisiatif yang dicadangkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan.*

*Sebagai Menteri Pelancongan, saya merasa amat teruja untuk menyaksikan kejayaan penyampaian dan pelaksanaan NKEA Pelancongan. Justeru, saya memohon semua warga Malaysia agar memberikan sokongan padu dan berganding bahu bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan untuk memastikan kejayaan agenda negara yang penting ini.”*

YB Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen

**M**alaysia diiktiraf pada peringkat global sebagai antara destinasi pelancongan utama, dengan kedudukan di antara 10 teratas dari segi ketibaan pelancong dan 15 antara teratas dari segi penerimaan global. Industri pelancongan juga merupakan penyumbang yang penting kepada ekonomi negara, menjana pendapatan negara kasar (PNK) sebanyak RM36.9 bilion pada tahun 2009. Ini menjadikan pelancongan sebagai industri kelima terbesar dalam ekonomi negara selepas minyak, gas & tenaga, perkhidmatan kewangan, borong & runcit dan kelapa sawit. Menjelang 2020, industri pelancongan akan menyumbang RM103.6 bilion kepada PNK, dengan peningkatan ketibaan pelancong daripada 24 juta pada tahun 2009 kepada 36 juta pada tahun 2020.

## DEFINISI NKEA PELANCONGAN

Pelancongan merujuk kepada pelancongan libur dan pelancongan perniagaan, dan ia merangkumi subsektor yang berikut: penginapan, membeli-belah, produk pelancongan (iaitu ekopelancongan, pelancongan kapal persiaran dan aktiviti lain yang berkaitan seperti spa dan kesejahteraan), makanan dan minuman serta pengangkutan dalam negeri (*inbound*) dan pengangkutan domestik.

Dua subsektor utama pelancongan iaitu pelancongan pendidikan dan perubatan, tidak diambil kira dalam NKEA ini disebabkan kedua-duanya ditangani dalam Makmal NKEA yang lain.<sup>1</sup>

## PENILAIAN PASARAN

Malaysia mempunyai kedudukan permulaan yang kukuh untuk melonjakkan dirinya menjadi destinasi pelancongan yang utama. Industri pelancongan sudah sememangnya besar (RM53 bilion penerimaan pada tahun 2009), telah pun berkembang secara tekal dengan pantas (14 peratus setahun untuk tempoh 10 tahun yang lepas dan pertumbuhan 12 peratus setahun dari tahun 2004 hingga 2009) dan juga mempunyai kedudukan daya saing global yang kukuh. Asas yang kukuh ini dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara.

Pada peringkat global, terdapat beberapa trend mega yang memberi kesan terhadap industri pelancongan. Trend mega tersebut mencerminkan pertumbuhan yang berterusan, merentasi industri dan berbentuk peralihan struktur yang akan menjadi relevan kepada dunia perniagaan dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun yang akan datang. Empat trend mega yang relevan dan penting bagi masa hadapan industri pelancongan kami ialah :

- **Peningkatan perbelanjaan (*Trading up*) dan Mengurangkan perbelanjaan (*trading down*):** Ini merujuk kepada pilihan pengguna untuk membelanja lebih atau kurang daripada tahap pendapatan mereka untuk barangan terpilih. Seseorang pengguna mungkin memilih untuk membelanja besar (*trading up*) untuk satu barangan tetapi pada masa yang sama membuat keputusan untuk berjimat pada perkara-perkara lain (*trading down*). Satu contoh bagi perilaku ini boleh dicerminkan menerusi senario seorang pengguna yang menggunakan penerbangan tambang murah ke Malaysia untuk mengurangkan kos, tetapi kemudiannya tinggal di resort bertaraf lima bintang untuk menikmati pengalaman mewah yang eksklusif.
- **Pewujudan kumpulan elit global:** Ini merujuk kepada peningkatan jumlah pengguna berpendapatan tinggi atau pengguna mempunyai aset bersih tinggi di serata dunia. Kumpulan ini dicirikan oleh keadaan mempunyai permintaan yang seragam dan harapan yang tinggi terhadap kualiti produk dan perkhidmatan. Sebagai contohnya, seorang pemastautin Mumbai yang amat kaya berkemungkinan mempunyai persamaan yang lebih banyak dengan seorang pemastautin New York yang kaya berbanding dengan seorang pemastautin Mumbai dari kelas pertengahan. Dengan jumlah individu kaya semakin bertambah merentas semua pasaran sumber pelancongan Malaysia yang utama, kepentingan menawarkan produk mewah dan tahap perkhidmatan bermutu tinggi terus berkembang semakin pesat.
- **Rentak kehidupan yang semakin pantas:** Ini merujuk kepada tahap tekanan yang meningkat dan masa yang semakin berkurangan untuk aktiviti libur yang sering mengiringi kehidupan pembandaran tenaga kerja di seluruh dunia. Pengguna di bandar semakin berminat terhadap percutian pendek yang kerap bagi melepaskan diri daripada kehidupan yang sibuk untuk melegakan tekanan. Ini termasuklah spa dan kesejahteraan serta pengalaman pelancongan singkat. Kesan trend mega ini dapat dilihat di seluruh dunia, terutamanya di negara-negara maju melalui jumlah penerbangan libur setiap individu yang meningkat dan tempoh tinggal yang lebih pendek.

<sup>1</sup> Pelancongan perubatan atau kesihatan merujuk kepada sebarang aktiviti berkaitan dengan penawaran khidmat penjagaan kesihatan seperti pembedahan kosmetik atau bentuk prosedur perubatan lain dan dirangkum di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan. Ia juga merangkumi bidang-bidang seperti kehidupan berbantu yang memerlukan jumlah doktor dan jururawat berlesen yang sesuai. Bidang-bidang lain seperti kesejahteraan dan spa terletak di bawah skop NKEA Pelancongan. Pelancongan pendidikan merujuk kepada aktiviti yang berkaitan dengan usaha menyasarkan dan menarik pelajar asing untuk belajar di Malaysia dan terletak di bawah NKEA Pendidikan. Walau bagaimanapun, segmen melawat rakan dan saudara mara (*Visiting friends and relatives* atau *VFR*) terletak dalam skop NKEA Pelancongan.


- **Kebangkitan China, India dan peneraju pasaran baharu:** Ini merujuk kepada kepentingan ekonomi BRIC (Brazil, Rusia, India dan China) serta negara-negara Timur Tengah yang semakin meningkat. Negara-negara ini kini tidak diberikan gambaran yang sewajarnya dalam konteks pelepasan penerbangan dan perbelanjaan pelancongan global, berbanding dengan perkadaran penduduk dan sumbangan ekonomi. Walau bagaimanapun, seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara ini yang berterusan, pendapatan boleh guna pengguna akan meningkat, sekali gus membolehkan lebih ramai orang memiliki kemampuan untuk melancong. Malaysia telah pun berjaya menembusi segmen Timur Tengah, tetapi boleh berusaha untuk meningkatkan penembusan dalam pasaran sedang berkembang yang lain.

### Status Industri Pelancongan Malaysia

Sejak dua dekad yang lalu, kami telah berjaya meningkatkan ketibaan pelancong antarabangsa daripada 7.4 juta pada tahun 1990 kepada 16 juta pada tahun 2004, dan kepada 24 juta pada tahun 2009.

*Carta 10-1* menggambarkan kedudukan pelancongan global Malaysia dari segi penerimaan dan ketibaan pelancong. Sektor pelancongan telah berkembang daripada RM30 bilion pada tahun 2004 kepada RM53 bilion pada tahun 2009 - iaitu pertumbuhan sebanyak 1.8 kali ganda (atau 12 peratus setahun dari tahun 2004 hingga 2009), dan meletakkan Malaysia di tempat ke-13 dari segi penerimaan pelancongan global. Hanya beberapa buah negara sahaja yang berupaya mengekalkan pertumbuhan pada dua angka dalam tempoh yang sebegitu lama. Ini termasuk Mesir, China dan Afrika Selatan.

Carta 10-1



SUMBER: *Pelancongan Malaysia, UMWTO*

## Mengembangkan Sektor Pelancongan akan Meningkatkan Pendapatan Per Kapita Asas Guna Tenaga Sektor yang Luas

Pada masa ini, sektor pelancongan menggaji kira-kira 14 peratus daripada jumlah tenaga kerja negara. Walau bagaimanapun, purata gaji dalam sektor pelancongan secara relatifnya adalah rendah berbanding dengan sektor ekonomi utama yang dalam negara. Sebagai contoh, warga Malaysia yang bekerja di hotel dan restoran menerima gaji purata RM1,084 sebulan berbanding dengan RM2,114 dalam sektor perkhidmatan kewangan, dan RM2,621 dalam sektor minyak, gas dan tenaga.

Malaysia juga menghadapi isu pengaliran keluar tenaga mahir di mana penduduk tempatan lebih tertarik untuk bekerja di negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Macau yang menawarkan prospek pendapatan yang lebih baik. Misalnya, pembukaan resort bersepadu di Singapura telah menarik minat sejumlah besar warga Malaysia untuk mencari peluang pekerjaan di sana.

## Mengapa Menjalankan Perniagaan Pada Tahap Biasa Sahaja adalah Tidak Memadai

Meskipun industri pelancongan yang mempunyai sejarah pertumbuhan yang kukuh, iaitu sebanyak 14 peratus bagi dekad yang lalu dan 12 peratus sepanjang lima tahun yang lalu, ia bergantung sebahagian besarnya kepada pertumbuhan jumlah ketibaan pelancong berbanding dengan pendapatan yang diperoleh daripada setiap pelancong. Sekiranya trend ini berterusan, Malaysia perlu bergantung pada ketibaan pelancongan besar-besaran, terutamanya dari negara jirannya (Singapura, Brunei, Thailand dan Indonesia) memandangkan kekerapan kunjungan mereka yang lebih tinggi. Pelancongan besar-besaran membawa bersamanya dua keimbangan berasingan. Yang pertama ialah kebergantungan yang tinggi terhadap beberapa negara jiran untuk mendapatkan pelancong berbelanja rendah. Yang kedua ialah keupayaan Malaysia untuk menampung jumlah pelancong yang besar sebelum mengkompromikan kualiti tawarannya.


## Malaysia pada Hari Ini – Ketibaan Tinggi, Pendapatan Rendah

Pertumbuhan Malaysia dalam pelancongan sebahagian besarnya bergantung pada pertumbuhan ketibaan pelancong berbanding dengan pendapatan. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Carta 10-2*, 75 peratus daripada pertumbuhan Malaysia adalah berpunca daripada penambahan ketibaan berbanding dengan hanya 25 peratus daripada peningkatan dalam pendapatan. Sebagai bandingan, pertumbuhan Singapura dan Taiwan adalah lebih seimbang dengan 65 peratus pertumbuhan Singapura dipacu oleh ketibaan pelancong manakala 35 peratus berpunca daripada pendapatan. Thailand pula mempunyai situasi yang sebaliknya, iaitu 42 peratus pertumbuhan berpunca daripada ketibaan pelancong dan 58 peratus berpunca daripada pendapatan. Ini menunjukkan bahawa Thailand sedang menarik pelancong yang berbelanja tinggi.

Daripada sejumlah 24 juta ketibaan pelancong di Malaysia pada tahun 2009, 78% datang dari pasaran jarak dekat, terutamanya dari negara jiran, 15% dari pasaran jarak sederhana dan 7% dari pasaran jarak jauh. Secara bandingan, Singapura mencatat 43% ketibaan pelancong dari pasaran jarak sederhana, manakala Thailand mencatat 36% ketibaan pelancong dari pasaran jarak jauh.<sup>2</sup>

<sup>2</sup> Jarak dekat: Indonesia, Filipina, Vietnam; Jarak Sederhana: China, India, Arab Saudi, UAE, Jepun, Republik Korea, Australia; Jarak jauh: UK, Perancis, Jerman, Belanda, Rusia

Carta 10-2



SUMBER: Jabatan Imigresen Malaysia, DOSM, EIU, Boston Consulting Group

Pendapatan daripada setiap pelancong di Malaysia secara relatifnya adalah rendah, iaitu RM2,260 berbanding dengan RM3,106 di Singapura dan RM3,785 di Thailand. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- **Purata tempoh penginapan yang lebih rendah:** Pelancong jarak jauh pada masa ini menginap selama 10 malam di Malaysia berbanding dengan 14 malam di Thailand;
- **Perbelanjaan harian yang lebih rendah:** Perbelanjaan harian pelancong ke Malaysia pada masa ini adalah lebih rendah berbanding dengan Thailand (kecuali pelancong dari Arab Saudi dan UAE); dan
- **Kebergantungan kepada ketibaan pelancong dari pasaran jarak dekat:** Malaysia amat bergantung pada pelancong dari pasaran jarak dekat yang biasanya menginap dalam tempoh yang singkat di Malaysia berbanding dengan destinasi-destinasi lain.

Melangkah ke hadapan, adalah lebih mampan bagi Malaysia untuk mengalihkan fokus kepada meningkatkan pendapatan atau penerimaan daripada setiap pelancong dan bukan hanya bergantung pada pertumbuhan dalam ketibaan pelancong. Untuk menarik segmen berpendapatan tinggi, kami perlu menambah baik, meningkatkan tawaran dan perkhidmatan pelancongan, dan juga meningkatkan kesalinghubungan kepada pasaran yang diberikan keutamaan.

## SASARAN DAN ASPIRASI

Industri pelancongan akan menyumbang sebanyak RM103.6 bilion kepada PNK menjelang tahun 2020. Ini akan memerlukan sumbangan sektor ini kepada PNK untuk meningkat hampir tiga kali ganda dari RM36.9 bilion pada tahun 2009. Untuk mencapai sasaran pertumbuhan yang tinggi tersebut, industri pelancongan perlu mencapai:

- Ketibaan Pelancong: Daripada 2.4 juta pada tahun 2009 kepada 36 juta pada tahun 2020 (pertumbuhan sebanyak 1.5 kali ganda);
- Pendapatan (penerimaan daripada setiap ketibaan pelancong): Daripada RM2,260 pada tahun 2009 kepada RM4,675 pada tahun 2020 (pertumbuhan dua kali ganda); dan
- Penerimaan pelancong: Daripada RM53 bilion pada tahun 2009 kepada RM168 bilion pada tahun 2020 (pertumbuhan sebanyak 3.2 kali ganda).

Hasil daripada ini ialah Malaysia akan berupaya untuk mencapai:

- Pendapatan per kapita: Peningkatan pendapatan per kapita melebihi purata semasa sebanyak RM10,843, yang juga akan menarik dan mengekalkan pekerja berkualiti tinggi menerusi gaji yang lebih tinggi dan laluan kerjaya yang jelas bagi para pekerja dalam industri pelancongan; dan
- Guna tenaga lebih tinggi: Tambahan 497,200 pekerjaan dalam sektor pelancongan menjelang tahun 2020. Ini merupakan peningkatan 30 peratus berbanding dengan tahun 2009. Walau bagaimanapun, jumlah tenaga kerja akan berkembang pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan penerimaan pelancongan kerana produktiviti dijangka akan meningkat hasil daripada usaha menarik dan mengekalkan tenaga kerja berkualiti serta peningkatan kemahiran para pekerja sedia ada.

## 12 EPP untuk Menjana PNK Tambahan Sebanyak RM66.7 Bilion

12 Projek Permulaan (*Entry Point Project* atau EPP) yang merangkumi lima tema telah dikenal pasti untuk meningkatkan pendapatan pelancongan negara. Kita juga telah mengenal pasti tiga peluang perniagaan yang bakal menjadi kenyataan berikutan jangkaan pertumbuhan industri pelancongan. Sebagaimana yang dihuraikan dalam *Carta 10-3*, 12 EPP ini dan tiga peluang perniagaan bersama dengan pertumbuhan asas sektor akan merangsangkan peningkatan pertumbuhan industri pelancongan daripada PNK sebanyak RM36.9 bilion yang tercatat pada masa ini kepada PNK sebanyak RM103.6 bilion menjelang 2020.

Sumbangan PNK sebanyak RM103.6 bilion merangkumi PNK sebanyak RM9.7 bilion daripada kesan penggandaan yang dijana oleh EPP sektor yang lain. Sumber terbesar kesan penggandaan ini ialah daripada NKEA yang termasuk Elektrik dan Elektronik serta Minyak Sawit. Adalah dijangka golongan profesional yang bekerja di Malaysia dalam NKEA tersebut akan membawa manfaat yang akan merangsangkan industri restoran, perhotelan dan sektor pelancongan yang lebih luas.

Dua belas projek permulaan (EPP) tersebut merangkumi lima tema luas yang memenuhi keperluan pelbagai segmen pelancong, iaitu dari penggemar membeli-belah hinggalah kepada pencinta alam semula jadi, pengembara perniagaan dan juga percutian seisi keluarga. Lima tema dan 12 projek berimpak tinggi yang dikenal pasti termasuk:

#### Tema 1: Barangan mewah mampu milik

- **EPP 1:** Menempatkan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah bebas cukai bagi barangan pelancongan
- **EPP 2:** Menjadikan kawasan *Kuala Lumpur City Centre* - Bukit Bintang sebagai Presint Membeli-belah yang meriah dan
- **EPP 3:** Membuka tiga ruang perniagaan premium baharu di Malaysia

#### Tema 2: Kembara Alam Semula Jadi

- **EPP 4:** Memartabatkan Malaysia sebagai hab biodiversiti global.

#### Tema 3: Keseronokan Seisi Keluarga

- **EPP 5:** Membangunkan resort bersepadu eko-semula jadi (*eco-nature integrated resort*) di Sabah
- **EPP 6:** Mewujudkan *Straits Riviera*

#### Tema 4: Acara, Hiburan, Spa dan Sukan:

- **EPP 7:** Menyasarkan lebih banyak acara antarabangsa, dan
- **EPP 8:** Mewujudkan zon hiburan khas
- **EPP 9a:** Membangunkan kepakaran tempatan dan mengawal selia industri spa dengan lebih baik; dan
- **EPP 9b:** Meluaskan tawaran pelancongan sukan di Malaysia tanpa hanya terbatas pada penganjuran acara


#### Tema 5: Pelancongan Perniagaan

- **EPP 10:** Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan perniagaan yang terutama

Projek merentas tema: Kesalinghubungan jarak sederhana; Hotel berkualiti lebih baik.

- **EPP 11:** Meningkatkan kesalinghubungan dengan pasaran jarak sederhana yang penting; dan
- **EPP 12:** Menambah baik kadar, jenis dan kualiti hotel

Carta 10-3



## BARANGAN MEWAH MAMPU MILIK

Industri membeli-belah kini mencakupi 28% daripada jumlah penerimaan pelancongan negara, berbanding dengan 35% di Singapura dan 57% di Hong Kong. Jumlah perbelanjaan oleh para pelancong yang lebih rendah adalah disebabkan oleh harga produk-produk yang tinggi dan juga pilihan barangan yang terhad. Volum jualan yang rendah di Malaysia diterjemahkan kepada kekurangan skala ekonomi yang mengakibatkan suatu lingkaran ganas. Salah satu cara untuk menangani perkara ini adalah dengan menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi membeli-belah.

Dengan strategi ini, kami menasihatkan untuk meningkatkan penerimaan membeli-belah daripada 28% pada tahun 2009 kepada 35% pada tahun 2020. Ini akan meningkatkan perbelanjaan purata membeli-belah setiap pelancong daripada RM631 kepada RM1,636 menjelang tahun 2020. Untuk mencapai aspirasi ini, kita akan melaksanakan tiga EPP yang berikut, yang kesemuanya akan menjana PNK sebanyak RM9.9 bilion dan mewujudkan 80,340 pekerjaan tambahan.

### EPP 1: Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Membeli-belah Bebas Cukai untuk Barangan Pelancongan

#### Rasional

Harga produk runcit diimport yang tinggi di Malaysia, seperti pakaian, kasut dan beg tangan, berbanding dengan Singapura dan Hong Kong, antara lain adalah disebabkan oleh cukai import yang dikenakan ke atas

produk-produk ini. Di samping itu, kekurangan dalam ekonomi bidangan juga telah menyebabkan banyak jenama mewah tidak memilih untuk menembusi pasaran Malaysia dan sekali gus mengehadkan pilihan produk yang ada.

### Tindakan

**Mengecualikan duti import ke atas produk yang popular dengan pelancong.** Dengan menempatkan Malaysia sebagai kawasan bebas cukai, dijangkakan bahawa harga kami akan menjadi lebih berdaya saing di rantau dan terus menarik pelancong untuk berbelanja dan membawa kepada peningkatan jumlah jualan. Untuk mencapai hasrat ini, langkah pertama yang penting adalah untuk memperluaskan kategori produk bebas cukai yang mencakupi produk yang digemari oleh pelancong mewah, dan pengecualian duti tersebut akan diberikan secara automatik. Kategori barangan yang disyorkan untuk pengecualian adalah berdasarkan kepada kod Tarif Kastam, iaitu: kosmetik dan minyak wangi (Seksyen 33), barangan kulit (Seksyen 42), tekstil dan pakaian (Seksyen 61-63), kasut (Seksyen 64), topi (Seksyen 65), barang kemas (tidak termasuk syiling) (Seksyen 71), barangan elektrik (Seksyen 85) dan alat permainan (Seksyen 95).

Produk-produk ini merupakan pembelian utama para pelancong di Malaysia dengan tekstil, pakaian dan beg tangan (barangan kulit) merupakan kategori tertinggi dalam perbelanjaan pelancong. Cadangan pengecualian duti import ini akan membolehkan Malaysia dipasarkan sebagai destinasi membeli-belah bebas cukai.

Meskipun diakui bahawa pendapatan Kerajaan daripada cukai import akan berkurangan ekoran pengecualian duti ini, ia boleh digantikan oleh kutipan hasil tambahan daripada cukai korporat. Kerugian pendapatan kerajaan dianggarkan sebanyak RM630 juta manakala kutipan tambahan hasil cukai korporat pada tahun 2020 adalah dijangka sebanyak RM780 juta.

Membantu pengilang tempatan bersaing. Suatu kebimbangan ekoran daripada pengecualian duti ini ialah impaknya kepada pengilang tempatan. Rancangan mitigasi yang jelas akan diwujudkan untuk membolehkan pengilang tempatan terus bersaing dalam pasaran yang lebih liberal ini. Ini termasuk:

- Insentif Fiskal: Menyediakan bantuan kewangan untuk mengautomasikan (automation) dan menambahbaikkan kelengkapan pengilangan;
- Insentif bukan fiskal: Menyediakan latihan untuk membolehkan pengilang tempatan berganjak naik dalam rantai nilai (contohnya mewujudkan pusat latihan untuk pengilang kasut); membantu pengilang tempatan untuk membangunkan jenama mereka sendiri dan menghubungkan mereka dengan jenama antarabangsa untuk membangunkan produk bernilai lebih tinggi; dan
- Kerjasama produk tempatan: Kompleks membeli-belah dan para pengilang tempatan perlu bekerjasama untuk mempromosikan produk tempatan.

Kementerian Pelancongan akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam menentukan garisan tarikh dan pelaksanaan EPP ini.

### Pembiayaan

EPP ini tidak akan melibatkan keperluan pelaburan langsung. Walau bagaimanapun, dianggarkan kehilangan hasil sebanyak RM630 juta dalam pendapatan Kerajaan ekoran pemansuhan duti import. Kehilangan hasil Kerajaan tersebut akan diganti dengan peningkatan dalam pendapatan hasil cukai korporat.

### Impak

Impak EPP ini dianggarkan sebanyak RM7.8 bilion melalui peningkatan dalam perbelanjaan untuk membeli-belah oleh pelancong asing yang datang ke Malaysia (daripada 28% hasil penerimaan pada tahun 2009 kepada 35% menjelang 2020). Dianggarkan sebanyak 64,000 pekerjaan akan diwujudkan.

## EPP 2: Menjadikan kawasan KLCC–Bukit Bintang sebagai Presint Membeli-belah yang Meriah

### Rasional

Kawasan membeli-belah utama di Kuala Lumpur secara relatifnya merupakan lokasi-lokasi yang tersendiri, tanpa kerjasama atau kesalinghubungan yang baik antara kawasan itu. Ini telah membawa kepada kurangnya suasana meriah di kawasan-kawasan membeli-belah, aliran trafik yang teruk, dan kesalinghubungan pejalan kaki yang hampir tidak wujud serta persekitaran jalan yang tidak menarik dan pulangan rendah secara keseluruhan terhadap aset berkaitan pelancongan (iaitu kadar dan sewaan hotel).

### Tindakan

**Menghubungkan pusat membeli-belah utama menjadi sebuah presint.** Kami akan menjadikan kawasan *Kuala Lumpur City Centre (KLCC)*–Bukit Bintang sebagai sebuah presint membeli-belah terulung di Malaysia. Kesalinghubungan yang lancar di antara kawasan-kawasan membeli-belah ini, dari segi laluan pejalan kaki dan/atau pengangkutan awam, akan dibangunkan. Laluan pejalan kaki akan menghubungkan kawasan-kawasan yang berikut:

- Pusat Konvensyen KLCC dengan jambatan Jalan Raja Chulan di pusat membeli-belah KL Pavilion;
- Pusat membeli-belah KL Pavilion di Jalan Bukit Bintang dengan pusat membeli-belah Fahrenheit 88;
- Pusat membeli-belah Fahrenheit 88 dengan pusat membeli-belah Lot 10;
- Pusat membeli-belah Sungei Wang dengan jambatan Jalan Imbi di pusat membeli-belah Berjaya Times Square; dan
- Pusat membeli-belah Sungei Wang dengan persimpangan Jalan Bukit Bintang–Jalan Pudu.

Dengan menghubungkan kawasan-kawasan ini, Malaysia akan berupaya untuk memasarkan presint membeli-belah setanding dengan Orchard Road di Singapura atau Causeway Bay di Hong Kong. Acara-acara sepanjang tahun, seperti pesta membeli-belah, pesta kulinari dan pencahayaan musim perayaan akan dianjurkan di presint ini untuk meningkatkan suasana meriah kawasan tersebut dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah.

**Menubuhkan Majlis Pelancongan KLCC–Bukit Bintang.** Majlis ini akan mengurus, mempromosi dan membangunkan presint. Terma rujukan Majlis termasuk:

- Menambah baik persekitaran perniagaan KLCC–Bukit Bintang, menerusi penganjuran acara, pembangunan perniagaan, promosi dan pemasaran;

- Membantu mempromosi dan menguruskan aktiviti KLCC–Bukit Bintang serta isu-isu awam yang lain (contohnya menyelaraskan dengan pihak berkuasa yang berkenaan mengenai isu-isu permit untuk penganjuran acara, keselamatan dan kebersihan am presint); dan
- Mempromosikan presint sebagai destinasi membeli-belah, menjamu selera, bermain dan menginap di Malaysia.

Majlis tersebut akan dibiayai oleh Kerajaan dengan sumbangan daripada pemilik harta tanah dan sektor swasta. Ahli-ahlinya akan merangkumi wakil daripada Kementerian Pelancongan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan juga pemilik hartanah di dalam kawasan presint.

Memandangkan DBKL telah pun mempunyai pelan untuk meningkatkan kesalinghubungan di presint ini, penjajaran antara DBKL dengan pemilik hartanah di dalam kawasan adalah penting. Kementerian Pelancongan akan mewujudkan Majlis Pelancongan KLCC-Bukit Bintang. Majlis tersebut bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan akan merancang, mempromosi dan menganjurkan acara-acara di dalam kawasan Presint.

### Pembiayaan

Pembiayaan kumulatif secara keseluruhan bagi EPP ini akan berjumlah RM132 juta. Ia merangkumi RM75 juta perbelanjaan modal (untuk membina laluan pejalan kaki bagi meningkatkan kesalinghubungan dalam presint) dan RM57 juta perbelanjaan pengendalian (untuk tujuan menyokong aktiviti promosi dan pemasaran dalam presint).

### Impak

EPP ini dijangka akan menyumbang sebanyak RM1.2 bilion menjelang 2020 dan akan dipacu oleh aliran masuk pelancong yang lebih tinggi ke presint dan sejurus meningkatkan perbelanjaan runcit, penjualan makanan & minuman serta kadar penghunian di hotel. Jumlah pekerjaan yang akan diwujudkan pula dianggarkan sebanyak 14,500.

## EPP 3: Membuka Tiga Ruang Perniagaan Premium Baharu di Malaysia

### Rasional

Pada ketika ini, ruang perniagaan premium di Asia hanya didapati di Jepun dan Republik Korea. Ruang-ruang perniagaan ini menawarkan barangan mewah dengan diskaun besar-besaran di luar musim atau produk-produk mewah baharu untuk pengujian pasaran.

### Tindakan

Membuka ruang perniagaan premium di Malaysia akan menyokong aspirasi pelancongan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah terkemuka di mana ia dan akan melengkapkan penawaran pelbagai barangan runcit dalam negara yang sedia ada.

Secara idealnya, ruangan perniagaan tersebut sewajarnya ditempatkan di tempat-tempat yang menepati tiga kriteria. Pertama, lokasi yang merupakan sebuah destinasi pelancongan popular dengan pasaran terbolot yang tinggi. Lazimnya, ruang-ruang perniagaan perlu ditempatkan dalam lingkungan jarak memandu selama satu jam dari tapak pelancongan utama dan mempunyai pasaran terbolot domestik yang besar untuk menyokong jualan. Kedua, lokasi tersebut mesti mempunyai rangkaian kesalinghubungan dan

diakses dengan mudah menerusi jalan udara dan darat. Akhirnya, ruang perniagaan tersebut perlu menjadi pelengkap kepada tawaran-tawaran persekitaran semasa.

Berdasarkan kriteria ini, kita akan mewujudkan ruang-ruang perniagaan premium di tiga lokasi:

- **Iskandar Malaysia:** Untuk menyasarkan kedua-dua pasaran domestik dan pelancong asing serta pelawat harian dari Singapura dan Indonesia;
- **Sepang:** Untuk menyasarkan pelancong (termasuk penumpang transit) dari Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Kos Rendah (LCCT); dan
- **Pulau Pinang:** Untuk menyasar jumlah besar pelancong yang datang ke Pulau Pinang dan juga mengambil peluang daripada pelancong Indonesia yang dalam perjalanan menuju ke Thailand untuk membeli-belah.

Ruang perniagaan premium yang pertama di Iskandar Malaysia sedang dibangunkan oleh sektor swasta dan dijadualkan beroperasi menjelang 2013. Memandangkan usaha ini amat bergantung pada sektor swasta, peranan utama Kerajaan adalah untuk menggalakkan memudahkan pelaksanaan EPP ini. MIDA akan mengenal pasti pelabur sektor swasta tempatan dan asing yang berpotensi untuk mewujudkan ruang-ruang perniagaan premium, terutamanya untuk mengadakan usaha sama dengan pelabur sektor swasta tempatan menjelang Disember 2012.

### Pembiayaan

Pelaburan keseluruhan yang diperlukan untuk EPP ini dianggarkan bernilai RM355 juta yang akan digunakan untuk membina tiga ruang perniagaan premium yang dicadangkan. Pelaburan ini dijangka dibiayai sepenuhnya oleh dana sektor swasta.

### Impak

Impak hasil daripada EPP ini dianggarkan berjumlah RM875 juta. Anggaran ini dikira berdasarkan pada impak ruang perniagaan premium serupa yang beroperasi di rantau seperti Korea dan Jepun. Jumlah anggaran pekerjaan yang akan diwujudkan ialah 1,500.

## KEMBARA ALAM SEMULA JADI

Malaysia dianugerahkan dengan biodiversiti yang melimpah ruah dan menduduki tangga ke-12 di peringkat global<sup>3</sup> dari segi biodiversiti mega. Walau bagaimanapun, kita berisiko kehilangan aset yang tidak ternilai ini sekiranya inisiatif pemuliharaan tidak diambil untuk mempertahankannya.

Malaysia pada masa ini menghadapi persepsi antarabangsa yang negatif ekoran aktiviti pembalakan di hutan hujan Malaysia di samping tanggapan terhadap kemusnahan habitat Orang Utan untuk tujuan perladangan kelapa sawit.<sup>4</sup> Penyusutan belimbing juga hampir pupus di Malaysia disebabkan kegiatan pelancongan yang tidak bertanggungjawab, termasuk membenarkan pelancong menggunakan lampu suluh dan mengambil gambar dengan lampu denyar (*flash*).<sup>5</sup> Terdapat juga banyak aduan berkenaan perancangan kawasan penginapan yang lemah di mana ia tidak mengambil kira kapasiti tanggungan kawasan persekitaran ekopelancongan yang sensitif dan mengakibatkan kesesakan serta masalah

<sup>3</sup> Berdasarkan pada laporan dari Konvensyen Diversiti Biologi. Biodiversiti di sini merujuk kepada variasi bentuk kehidupan dalam sebuah ekosistem, sama ada flora ataupun fauna

<sup>4</sup> Berita BBC

<sup>5</sup> World Wildlife Fund

kumbahan dan pembuangan sisa buangan. Ini kemudiannya mengurangkan keselesaan pelancong dan memberi impak kepada kepuasan secara keseluruhan.

Masalah-masalah ini timbul kerana terdapat terlalu banyak agensi dan pengawal selia yang terlibat dalam pengurusan lokasi semula jadi ini dan penyelarasan terhad dalam pengurusan kemampuhan kawasan.

Meskipun demikian, terdapat potensi yang besar bagi ekopelancongan jikalau ia diuruskan dengan baik mengikut prinsip kemampuhan jangka panjang. Pada masa ini, hampir 10% daripada jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia adalah untuk aktiviti ekopelancongan. Walau bagaimanapun, pakej yang dijual kepada pelancong-pelancong tersebut tidak dijual pada harga premium yang mencerminkan nilai benar warisan dan sumber semula jadi berharga kita. Oleh demikian, terdapat potensi untuk meningkatkan pulangan yang diperoleh daripada setiap pelancong yang akan memastikan pembangunan lokasi-lokasi ekopelancongan tersebut menimbangkan had keupayaan yang boleh ditampung olehnya.

Melangkah ke hadapan, Malaysia menasihatkan untuk mempamerkan salah satu daripada biodiversiti yang terbaik di dunia. Kita menasihatkan untuk mempunyai rangkaian lokasi biodiversiti berbeza bertaraf antarabangsa yang diiktirafkan, yang kemudiannya akan dibangunkan atau dibaikpulihkan. Selain itu, kami juga akan membenarkan penyertaan pelancong dalam aktiviti pemulihan ekopelancongan.

#### **EPP 4: Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Global**

##### **Tindakan**

Hab Biodiversiti Global (GBH) bakal merupakan badan akreditasi yang diselia oleh sebuah Lembaga Pengurusan, yang terdiri daripada kumpulan pihak berkepentingan utama,<sup>6</sup> untuk mewujudkan standard kecemerlangan yang dihasratkan<sup>7</sup> dalam pengurusan dan persembahan lokasi-lokasi alam semula jadi utama. Peranan utama Lembaga ini ialah pengakreditasi dan pemantauan setiap lokasi untuk memastikan kemampuhan aktiviti-aktiviti ekopelancongan selain membantu promosi dan pemasaran lokasi-lokasi yang diakreditasi.

Matlamat GBH adalah untuk menarik perhatian antarabangsa terhadap biodiversiti Malaysia yang luar biasa, dan mempromosikan pelancongan yang bertanggungjawab serta memupuk pengurusan kawasan-kawasan alam semula jadi Malaysia yang mampan.

GBH, akan terdiri daripada satu rangkaian kawasan alam semula jadi yang mempamerkan biodiversiti hutan hujan Malaysia, habitat ikan air tawar dan persekitaran marin serta flora dan fauna yang mengiringinya.

Lokasi-lokasi akan diuruskan oleh badan-badan pengurusan tersendiri masing-masing. Tapak GBH yang mengemukakan permohonan untuk diakreditasi dan setelah dikenal pasti sebagai sebuah tapak GBH mesti mengekalkan tahap kecemerlangan sebagaimana yang dituntut dan jikalau tidak, ia akan menghadapi risiko kehilangan akreditasi.

<sup>6</sup> Wakil kerajaan persekutuan dan negeri, wakil sektor swasta, institusi penyelidikan dan NGO yang berkaitan

<sup>7</sup> Pemilihan lokasi adalah berdasarkan pengubahsuaian kriteria pemilihan yang digunakan untuk "Wetlands of International Importance" dan program IUCN "World Heritage List"

## Memastikan tadbir urus dan kebertanggungjawaban

Untuk memastikan kualiti semua lokasi pelancongan di Malaysia dipelihara dengan baik, Tourism Malaysia akan mempromosikan lokasi-lokasi GBH sahaja mulai tahun 2015. Memandangkan hanya lokasi-lokasi berkaliber antarabangsa sahaja yang akan diakreditasi, Malaysia boleh menjangka untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi daripada para pelancong yang datang ke lokasi-lokasi utama ini.

Dengan ini, GBH akan melaksanakan tiga kewajipan utama:


- Membangunkan Malaysia sebagai salah satu daripada destinasi ekopelancongan premium dunia;
- Memastikan standard kecemerlangan dalam mempakejkan produk, penyampaian perkhidmatan dan penggunaan yang mampan; dan
- Memperkasakan masyarakat luar bandar untuk membantu mereka bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai.

Pusat Penerokaan Hutan Hujan Malaysia dan Pusat Penerokaan Marin Malaysia akan berperanan untuk mempamerkan tawaran biodiversiti Malaysia. Sama seperti konsep sebuah zoo, Pusat Penerokaan Hutan Hujan Malaysia akan dibangunkan sebagai taman bersama zoologi dan botani menggunakan konsep zoo terbuka. Demikian juga, Pusat Penemuan Marin Malaysia akan mempamerkan tawaran marin Malaysia kepada orang ramai. Aquria KLCC disyorkan supaya dimanfaatkan untuk tujuan ini.

Pusat-pusat Penerokaan tersebut bukan sahaja akan memenuhi permintaan pelancongan berjumlah besar, malah ia juga akan mempromosikan lokasi-lokasi yang menceriaikan di serata Malaysia kepada para pelancong yang ingin menikmati pengalaman flora dan fauna di persekitaran liar.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Kementerian Pelancongan akan bekerjasama untuk menubuhkan Lembaga Pengurusan interim GBH. Lembaga interim ini akan terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta sektor swasta, akademik dan organisasi bukan kerajaan. Selepas tamatnya tempoh setahun bagi lembaga interim, sebuah Lembaga Pengurusan GBH yang rasmi akan dilantik. GBH akan diuruskan sebagai sebuah badan bukan kerajaan, dengan penglibatan wakil daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam sebuah Jawatankuasa Pengawasan Dasar untuk memastikan bahawa dasar Lembaga GBH adalah sejajar dengan matlamat negara seperti yang digambarkan dalam *Carta 10-4*.

## Carta 10-4



### Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan dianggarkan berjumlah RM896 juta untuk tempoh 10 tahun (2010-2020) dan akan membiayai pembinaan Pusat Penerokaan Hutan Hujan yang baharu selain menaik taraf dan menambah baik lokasi-lokasi yang dikenal pasti bakal menjadi sebahagian daripada GBH. Bahagian besar pembiayaan ini, iaitu sebanyak RM640 juta, akan datang dari sektor swasta, sementara baki RM256 juta akan disediakan oleh Kerajaan.

### Impak

EPP ini akan memberikan impak PNK sebanyak RM1.5 bilion dan mewujudkan 2,900 peluang pekerjaan.

## KESERONOKAN SEISI KELUARGA

Tema Keseronokan Seisi Keluarga (*Family Fun*) pada asasnya menasarkan penduduk kelas pertengahan yang pesat berkembang di India, China dan Timur Tengah, yang mewakili 48% daripada populasi dunia tetapi hanya 13% daripada penerbangan pelepasan pelancongan global. Kelas pertengahan mewakili 67% daripada semua pelancong libur dari India, 46% dari China dan 47% dari Arab Saudi. Penerbangan pelepasan daripada segmen ini berkembang pada kadar purata 11% setahun dari tahun 1995 hingga tahun 2008 berbanding dengan 2% untuk negara lain di dunia.

Dari perspektif yang kompetitif, tidak terdapat destinasi keluarga terkemuka yang jelas di Asia Tenggara. Thailand mempunyai kedudukan yang jelas sebagai destinasi yang menawarkan pantai, hiburan dan nilai bagi wang, manakala Singapura menonjolkan dirinya sebagai destinasi perniagaan dan pelancongan mewah dan hanya baru-baru ini mula menumpukan pada segmen keluarga dengan pembangunan Resorts World Sentosa di Singapura. Justeru, Malaysia mesti mengambil langkah untuk merebut dan menerajui segmen pasaran keluarga. Walau bagaimanapun, untuk mencapainya kita perlu mewujudkan lebih banyak aktiviti

dan produk pelancongan mesra keluarga bertaraf dunia. Dua projek berpotensi telah dikenal pasti untuk memenuhi keperluan keluarga: pusat peranginan bersepadu dan pelancongan kapal persiaran.

### **EPP 5: Membangunkan Resort Eko-Semulajadi Bersepadu (*Eco-nature Integrated Resort*) di Sabah**

#### **Rasional**

Pembangunan pusat peranginan bersepadu (IRs) baru-baru ini telah mendapat momentum, sebagai contohnya di Singapura (Marina Bay Sands, Resorts World Sentosa), Bahamas (Atlantis) dan The Palm (Dubai). Pembukaan Resorts World Sentosa di Singapura pada Februari 2010, yang telah meningkatkan ketibaan pelancong ke Singapura sebanyak dua kali ganda (termasuk peningkatan 46 peratus dalam ketibaan pelancong dari Malaysia), menggambarkan potensi pelancongan yang ketara berkaitan dengan pembangunan pelancongan yang besar. IRs juga menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi dan mempunyai impak yang ketara terhadap PNK, sebagaimana terbukti menerusi pembukaan IR Atlantis di Bahamas.

#### **Tindakan**

Untuk membezakan dan memanfaatkan kelebihan kita, Malaysia akan membangunkan sebuah Resort Eko-semulajadi Bersepadu di Sabah. Sebagaimana yang dapat diperhatikan dalam *Carta 10-5*, IR ini bakal memaparkan pembangunan hijau, dengan bangunan yang mempraktikkan kecekapan tenaga, menggunakan tenaga boleh diperbaharui, kitar semula dan pengangkutan berasaskan penggunaan elektrik, di samping mempamerkan biodiversiti Sabah yang kaya, menerusi pusat pendidikan bakau. Ia akan memanfaatkan kelebihan berdaya saing Malaysia dalam ekopelancongan dan biodiversiti, dengan daya tarikan seperti sungai dan hutan hujan safari, rumah persinggahan semula jadi, pusat bakau dan sebuah teluk (cove) penerokaan. Di samping itu, IR akan menampilkan acara bertaraf dunia, membeli-belah bebas cukai, taman tema air, padang golf bertaraf dunia dan villa tepian air (waterfront).

Satu pelabur swasta telah pun dikenal pasti untuk EPP ini. Syarikat tersebut mempunyai tanah, sumber kewangan dan kepakaran industri untuk membangunkan IR tersebut.

Kementerian Pelancongan akan memantau EPP ini. Pelabur tersebut akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan agensi Kerajaan Persekutuan yang berkaitan untuk memperoleh kelulusan yang sewajarnya sebelum akhir tahun 2011. Berdasarkan pada garis masa ini, fasa pertama IR dijangka mula beroperasi pada tahun 2013.


#### **Pembiayaan**

Jumlah pelaburan dijangka bernilai sebanyak RM6.7 bilion dan ini termasuk menaik taraf utiliti dan infrastruktur sedia ada serta melaksanakan langkah-langkah menggalakkan banjir di tapak yang dicadangkan. Bahagian besar pembiayaan ini, iaitu sebanyak RM6.1 bilion, akan disediakan oleh sektor swasta, manakala yang selebihnya akan disediakan oleh Kerajaan.

#### **Impak**

Pada keseluruhannya, impak PNK dijangka bernilai sebanyak RM707 juta dengan pewujudan sebanyak 7,700 pekerjaan menjelang 2020.

Carta 10-5



**EPP 6: Mewujudkan Taman Permainan *Straits Riviera***

**Rasional**

Industri pelancongan kapal persiaran memberikan perhatian kepada Asia sebagai enjin pertumbuhan utama, dengan ketibaan penumpang pelayaran persiaran berkembang pada kepantasan dua kali ganda (7% setahun) berbanding ketibaan pelancong antarabangsa (3% setahun) dari tahun 1990 hingga 2008. Hampir 50% daripada penumpang pelayaran persiaran merupakan pelancong antarabangsa berpendapatan tinggi.<sup>8</sup>

Di Asia Tenggara, industri ini dikuasai oleh Singapura. Banyak jadual perjalanan pelayaran persiaran antarabangsa melangkaui pelabuhan Malaysia, terutamanya disebabkan oleh kekurangan infrastruktur terminal, produk serta perkhidmatan pelancongan persiaran darat yang memenuhi syarat pengendali pelayaran persiaran.

**Tindakan**

Untuk merealisasikan potensi ini, Malaysia akan membangunkan tempat percutian pelayaran persiaran *Straits Riviera*. Ia akan diperkukuh dengan lima terminal pelayaran persiaran bersepadu bertaraf dunia yang dibina khas di Pulau Pinang, Sepang, Melaka, Tanjung Pelepas dan Kota Kinabalu dan dilengkapi dengan 9 buah pelabuhan sekunder. Ini akan membantu dalam membangkitkan pengalaman persiaran yang menarik dan mengeksplorasi sepenuhnya destinasi perairan pantai yang sedia ada. Wawasan ini dimodelkan bersempena dengan pengalaman pelayaran persiaran French Riviera, yang terdiri daripada pelabuhan utama Nice, Cannes, Monte Carlo dan St. Tropez dan disokong oleh pelabuhan sekunder yang popular seperti Golfe-Juan dan Villefranche.

<sup>8</sup> Didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai pendapatan lebih daripada RM320,000

Untuk memastikan kejayaan *Straits Riviera*, Kementerian Pengangkutan, bersama dengan Kementerian Pelancongan, akan membangunkan Rangka Pelaksanaan Nasional mengenai Penumpang Pelabuhan Laut dan Pelancongan Persiaran, yang akan menyatakan dengan jelas wawasan dan dasar pembangunan industri persiaran di Malaysia hingga tahun 2020. Rangka kerja tersebut akan mengambil kira pembangunan infrastruktur dan pelan penambahbaikan bagi setiap terminal pelayaran persiaran dan pelabuhan penting serta membuat saranan untuk memperkukuhkan litar pelayaran persiaran berasaskan tema dan juga infrastruktur, tarikan perimeter dan kesalinghubungan berasaskan komuniti. Rangka kerja ini akan dibangunkan pada pertengahan tahun 2011. Serentak dengan pelaksanaan itu, Majlis *Straits Riviera* akan ditubuhkan di bawah bimbingan Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pelancongan. Hasil daripada rangka kerja akan menunjukkan kebolehbekesanan dan kemampuan pelabuhan yang dikenal pasti untuk projek ini. Sehubungan itu, terminal pelayaran persiaran akan beroperasi secara berperingkat mulai tahun 2013.

Tugas utama Majlis *Straits Riviera* termasuk merangka hala tuju industri pelayaran persiaran negara, menyelaraskan usaha pemasaran bagi menarik kapal-kapal pelayaran persiaran untuk mewujudkan pelabuhan sendiri di setiap terminal pelayaran persiaran utama. Ia juga bertanggungjawab menyelaraskan strategi perjalanan antara pelabuhan, rangkaian penerbangan- persiaran dan kerjasama Indo-Asia yang lebih giat untuk menarik kapal-kapal pelayaran persiaran datang ke rantau ini. Majlis yang diterajui oleh sektor swasta ini akan menjadi penghubung dengan jabatan pihak berkuasa yang lain dan adalah suara tunggal bagi industri pelayaran persiaran di Malaysia dalam memperkukuhkan komitmen Kerajaan untuk melaksanakan Rangka Kerja Nasional Pelancongan Kapal Persiaran dengan berkesan. Majlis akan terdiri daripada wakil-wakil dari pelabuhan-pelabuhan utama, pihak berkepentingan industri yang mempunyai minat dan perhatian dalam penambahbaikan industri dan komuniti pelayaran persiaran, dengan disokong oleh badan-badan kerajaan yang berkaitan.

Setiap terminal pelayaran persiaran akan menjadi pemangkin kepada pembaharuan kawasan tepian air dan bandar, dengan pembangunan kawasan peruncitan dan kediaman bersebelahan dengan tepian air. Selain itu, pembaharuan lokasi-lokasi pelancongan di setiap bandar pelabuhan juga akan dilaksanakan untuk menggalakkan persiaran (*excursion*) di darat.

Sebuah konsortium yang terdiri daripada pelabur-pelabur swasta telah dikenal pasti dan konsortium tersebut bersedia untuk menyediakan pembiayaan yang diperlukan tertakluk pada penerimaan pemudahan dan kelulusan Kerajaan yang disyaratkan. Konsortium ini mempunyai pengalaman dalam membangunkan terminal pelayaran persiaran di Asia Tenggara dan mempunyai wawasan untuk mentransformasikan Malaysia menjadi tempat percutian pelayaran persiaran yang terkemuka bagi rantau Asia.

### Pembiayaan

Pelaburan keseluruhan yang diperlukan adalah sebanyak RM2.7 bilion untuk menambahbaik infrastruktur di lima tapak yang dicadangkan. Sejumlah besar daripada dana sebanyak RM2.5 bilion akan disediakan oleh sektor swasta dan bakinya oleh Kerajaan. Dana juga akan digunakan untuk menambah baik kesalinghubungan jalan raya dan landasan kereta api ke lokasi-lokasi yang dicadangkan itu.

### Impak

Pada keseluruhannya, impak PNK dijangka bernilai sebanyak RM1.8 bilion dengan pewujudan sebanyak 9,700 pekerjaan menjelang 2020.

## ACARA, HIBURAN, SPA & SUKAN

Malaysia kini ketinggalan berbanding dengan negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Indonesia dari segi saiz dan kepelbagaian acara yang dianjurkan, demikian juga dalam aspek tawaran aktiviti-aktiviti hiburan malam. Kita juga tidak memanfaatkan sepenuhnya acara-acara antarabangsa sebagai tarikan utama para pelancong.

Menganjurkan lebih banyak acara antarabangsa dan mempromosikan aktiviti-aktiviti waktu malam yang meriah adalah penting untuk menarik pelancong dan akan memberikan rangsangan kepada industri pelancongan.

### EPP 7: Mensasarkan Lebih Banyak Acara Antarabangsa

#### Rasional

Untuk maju ke hadapan, kami menyasarkan untuk meningkatkan jumlah ketibaan pelancong bagi acara antarabangsa sebanyak 3.6 kali ganda, daripada 70,000 pada tahun 2009 kepada 250,000 pada tahun 2020. Untuk mencapai sasaran ini, kami perlu membangunkan atau menarik tiga hingga empat acara antarabangsa utama dan menambah baik acara yang sudah dianjurkan di Malaysia.

#### Tindakan

Untuk mencapai cita-cita ini, kami akan mewujudkan badan khusus pengurusan acara bagi Malaysia untuk mengenal pasti dan membida lebih banyak acara utama antarabangsa, mempakejkan semula F1 dan MotoGP dan acara antarabangsa utama yang lain serta meminda garis panduan Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) bagi acara antarabangsa dan memperkenalkan penarafan prestasi terhadap konsert.

**Menubuhkan Badan Khusus Pengurusan Acara bagi Malaysia.** Dengan menggunakan penanda aras kejayaan Scotland, Australia dan New Zealand, pewujudan sebuah badan khusus pengurusan acara adalah amat kritikal untuk menarik dan menganjurkan acara-acara antarabangsa yang besar. Badan ini akan mengenal pasti, menilai dan membida untuk mendapatkan acara antarabangsa utama tetapi tidak akan mengendalikan acara-acara tersebut. Walau bagaimanapun, pembiayaan yang mencukupi adalah penting memandangkan persaingan dalam pembidaan bagi acara-acara sedemikian adalah sengit.

Badan khusus pengurusan acara ini akan diwujudkan di bawah MyCEB dengan tanggungjawab yang melibatkan (1) mengenal pasti acara antarabangsa utama baharu bagi Malaysia dengan menarik acara antarabangsa bereputasi tinggi dan membangunkan acara antarabangsa sendiri; (2) mensinergikan dan membangunkan satu kelompok acara di sekitar acara antarabangsa utama dan (3) menilai impak acara antarabangsa utama yang dianjurkan.

Badan ini akan membangunkan perniagaan dan pelan operasi keseluruhan dan dijangka mula beroperasi dengan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2011.

**Mempakejkan semula F1 dan MotoGP dengan kerjasama yang lebih baik antara sektor swasta dengan sektor awam.** Malaysia merupakan perintis serantau dalam acara sukan permotoran yang bermula dengan penganjuran MotoGP pada tahun 1990 dan seterusnya F1 pada tahun 1999. Walau

bagaimanapun, minat warga antarabangsa terhadap acara-acara ini semakin merosot di Malaysia. Jumlah penonton antarabangsa F1 telah mengalami penurunan iaitu daripada hampir 53,000 penonton antarabangsa pada tahun 2006 kepada hanya hampir 23,000 pada tahun 2009. Ini didorong sebahagiannya oleh persaingan yang hebat daripada acara yang sama di kawasan serantau. Malaysia akan perlu menambah baik dan mencergaskan semula acara F1 dan MotoGP yang akan menarik lebih ramai pengunjung antarabangsa.

Penganjur acara F1 dan MotoGP, Sepang International Circuit (SIC) akan bekerjasama rapat dengan pelbagai sektor pelancongan utama untuk membangunkan pakej pelancongan pra dan pasca acara selain memperkukuh jualan antarabangsa dan saluran promosi. Tourism Malaysia, dengan wakil pemasaran antarabangsanya yang luas, akan memanfaatkan saluran-salurannya untuk mempromosikan F1 dan MotoGP di bawah Kalendar Acara nasional Malaysia. EPP ini dijangka bakal melanjutkan purata tempoh penginapan pelancong bagi acara F1 daripada empat hari kepada sembilan hari pada tahun 2020.

Selain itu, SIC akan bekerjasama dengan badan khusus pengurusan acara (di bawah MyCEB) Kementerian Pelancongan, DBKL, Kerajaan Negeri Selangor dan penganjur acara lain untuk membangunkan satu kelompok acara yang menarik semasa F1 dan MotoGP. SIC akan menyasarkan acara-acara utama seperti persidangan berprofil tinggi seperti Invest Malaysia dan Persidangan CEO Forbes yang akan diadakan selepas minggu acara F1 atau MotoGP.

**Meminda garis panduan PUSPAL bagi acara antarabangsa dan memperkenalkan penarafan persembahan konsert.** Mulai suku terakhir 2010, acara antarabangsa yang menampilkan penghibur antarabangsa yang memenuhi kriteria minimum (1) Penarafan kelas A berasaskan pada kedudukan 100 teratas carta *Billboard* sejak lima tahun yang lepas; (2) menarik 2,500 penonton bagi setiap acara dan (3) telah membuat pertunjukan di tiga tempat antarabangsa, adalah dikecualikan daripada garis panduan PUSPAL semasa dan sebaliknya akan tertakluk pada garis panduan yang lebih fleksibel yang menyokong pembangunan acara antarabangsa di Malaysia. Penganjur acara antarabangsa akan menilai persembahan bergantung pada kesesuaian persembahan untuk kumpulan usia yang lebih muda: “U - Umum” atau “Umur 18+ – 18 tahun dan ke atas”. Di samping itu, perubahan untuk menyekat syarat cukai dan imigresen akan dipertimbangkan bagi memastikan Malaysia menjadi destinasi acara yang lebih berdaya saing.

Untuk meminda garis panduan PUSPAL, seperti yang dicadangkan, jawatankuasa PUSPAL akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain yang terlibat (majlis tempatan, Jabatan Imigresen, dan Kementerian Kewangan). Kementerian Pelancongan akan memantau dan menjejak proses pelaksanaan.

### Pembiayaan

Jumlah pelaburan kumulatif yang diperlukan adalah sebanyak RM467 juta dan akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.

### Impak

Impak keseluruhan PNK adalah sebanyak RM427 juta dan mewujudkan sebanyak 8,000 peluang pekerjaan.

## EPP 8: Mewujudkan Kawasan Hiburan Khas

### Tindakan

Kami menyasarkan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti malam yang lebih meriah di Malaysia di mana hiburan aktiviti malam terpilih dijangka menyumbang tambahan pendapatan daripada RM600 juta kepada RM1.8 bilion menjelang 2020. Untuk mencapai hasrat ini, liberalisasi beberapa peraturan hiburan akan dilaksanakan untuk merangsangkan pembangunan industri dengan

- Memisahkan kawasan hiburan khas untuk mengurangkan sebarang impak buruk kepada penduduk tempatan kerana kawasan tersebut dibangunkan terutamanya untuk memenuhi permintaan pelawat asing
- Membenarkan pelanjutan had waktu beroperasi bagi pusat hiburan
- Mengurangkan nisbah artis tempatan dengan artis asing berbanding dengan syarat yang ditetapkan dalam garis panduan semasa PUSPAL
- Melanjutkan tempoh sah visa bekerja bagi artis dan krew asing berdasarkan jenis persembahan (iaitu persembahan sekali sahaja (*one-off*), pancaragam dengan kontrak jangka panjang atau pertunjukan produksi jangka panjang)

Untuk diiktiraf sebagai zon hiburan, kriteria yang berikut perlu dipatuhi:

- Memenuhi keperluan kalis bunyi sebagaimana yang didefinisikan oleh kod bangunan pihak berkuasa tempatan;
- Mencapai skala minimum purata 1,000 pelawat setiap malam di sesebuah zon hiburan;
- Memastikan kebolehcapaian pengangkutan dan infrastruktur yang mencukupi (contohnya tempat letak kereta, teksi dan bentuk pengangkutan yang lain);
- Ketersediaan rondaan yang mencukupi oleh pasukan polis atau firma keselamatan swasta untuk memastikan keselamatan awam di kawasan berhampiran; dan
- Terletak pada jarak minimum 100 meter dari kawasan kediaman dan keagamaan.

Lima bandar telah dikenal pasti sebagai lokasi berpotensi bagi kawasan hiburan khas: *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*, *Genting Highlands*, *Pulau Pinang*, *Langkawi* dan *Kota Kinabalu*.

Memandangkan Kuala Lumpur bakal menarik lebih banyak ekspatriat, aktiviti hiburan yang lebih meriah merupakan suatu unsur daya boleh huni (*liveability*) yang penting. Kawasan hiburan yang sedia ada adalah tidak memadai untuk mencapai pertumbuhan yang diharapkan memandangkan purata kadar penghunian hujung minggu bagi kelab malam di bandar adalah sebanyak 85 hingga 90 peratus.

Menerusi kerjasama dengan *Greater KL/KV NKEA*, dipersetujui bahawa lokasi berpotensi bagi kawasan hiburan baharu ialah kawasan di sekitar *Central Market*. Kawasan ini akan direka bentuk untuk menarik pelancong dengan kemudahan 24 jam, keselamatan awam yang mencukupi, pengangkutan dan infrastruktur, tetapi ia akan kekal terpisah dari kawasan kediaman dan keagamaan.

Pewujudan kawasan hiburan baharu akan ditadbir oleh Bahagian Pelan Induk DBKL. DBKL akan bekerjasama dengan badan-badan berkaitan untuk menarik pengendali kelab malam untuk melabur dalam zon hiburan yang diwartakan. Sementara itu, Bahagian Pelesenan DBKL akan bertanggungjawab membantu memudahkan pengeluaran lesen-lesen bagi kelab malam untuk memulakan operasi di dalam kawasan yang dikhaskan.

### Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang akan diperlukan adalah RM276 juta dan kesemuanya akan dibiayai oleh sektor swasta.

### Impak

Enam buah kelab malam baharu, setiap satunya dengan kapasiti untuk menampung sekurang-kurangnya 900 pengunjung kelab setiap hujung minggu disasarkan untuk memulakan operasi pada awal tahun 2012. Dua buah kelab malam akan memulakan operasi pada tahun 2013 dan 2014 masing-masing. Menjelang tahun 2014, sekurang-kurangnya 10 kelab malam akan terdapat di dalam zon hiburan baharu. EPP ini dijangka menjana impak PNK sebanyak RM0.7 bilion dan kira-kira 5,614 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

## **EPP 9a: Pembangunan Kepakaran Tempatan dan Pengawalseliaan Industri Spa yang Lebih Baik**

### Rasional

Industri spa Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang terpacu di rantau ini bagi tempoh lima tahun yang terakhir, meskipun pelanggan domestik membentuk asas pelanggannya yang terbesar (55 hingga 60%). Industri spa negara dijangka mencecah RM830 juta pada tahun 2020, dipacu terutamanya oleh peningkatan 1.5 kali ganda ketibaan pelancong. Walau bagaimanapun, keperluan kemahiran dan penyampaian perkhidmatan terus menjadi isu-isu menekan yang menghindar pertumbuhan berpotensi. Kami hanya memiliki bekalan pekerja dan kemudahan latihan yang terhad untuk mewujudkan kumpulan tenaga mahir, khususnya untuk ahli terapi spa tempatan. Dasar-dasar imigrasi untuk menarik ahli terapi spa asing adalah sangat ketat memandangkan pembekuan yang dikenakan terhadap pengambilan pekerja separa mahir asing yang wujud sejak tahun 2008. Tambahan pula, industri spa masih belum dikawal selia dan kualiti perkhidmatan pelanggan adalah amat berbeza antara pusat-pusat dan kedai-kedai spa tersebut.

### Tindakan

Untuk menangani kekurangan kemahiran, sektor swasta akan mengambil tanggungjawab untuk membangunkan tiga pusat kecemerlangan (COEs) sebagai pusat latihan untuk melahirkan pakar tempatan dalam industri spa. Tiga lokasi berpotensi telah dikenal pasti berdasarkan kehampirannya dengan pusat dan kedai spa, iaitu *Greater Kuala Lumpur*, Johor dan Sabah. Pusat COE yang pertama dijangka memulakan operasinya pada awal tahun 2012 untuk melatih 500 ahli terapi setiap tahun. Dalam tempoh penubuhan tiga tahun yang pertama, COE ini akan berupaya melahirkan 1,500 ahli terapi tempatan setiap tahun. Dengan peningkatan sedemikian dalam bekalan tempatan adalah disasarkan menjelang 2018, nisbah ahli terapi tempatan berbanding ahli terapi asing akan berada pada 70:30.

Menjelang pertengahan tahun 2011, Majlis Spa dan Kesejahteraan Negara akan ditubuhkan dengan peranan memberikan akreditasi dan penarafan untuk pusat spa dan kesejahteraan bagi memastikan penyampaian dan ketekalan perkhidmatan. Majlis ini merupakan badan bebas swasta yang dibiayai sendiri. Wakil ahli-

ahli lembaga pengarahnya adalah dari Kementerian Pelancongan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sektor swasta (pusat-pusat spa, persatuan hotel dan resort dan akademi spa). Kriteria dan klasifikasi akreditasi untuk pusat-pusat spa perlu dibangunkan oleh Majlis ini. Pada akhir tahun 2012, 20% daripada jumlah pusat spa yang sedia ada akan diakreditasi dan disahkan oleh Majlis.

#### Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang akan diperlukan bagi inisiatif ini adalah sebanyak RM23 juta dan jumlah ini akan digunakan untuk menubuhkan tiga Pusat Kecemerlangan dan penubuhan Majlis Spa dan Kesejahteraan Negara.

#### Impak

Impak PNK keseluruhan inisiatif ini dijangka berjumlah RM0.4 bilion dan akan mewujudkan kira-kira 3,500 pekerjaan baharu.

### **EPP 9b: Meluaskan Tawaran Pelancongan Sukan di Malaysia Tanpa Hanya Terbatas pada Penganjuran Acara**

#### Rasional

Sehingga kini, Malaysia umumnya menumpukan pada acara sukan berskala besar, termasuk menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998, Monsoon Cup, Le Tour de Langkawi dan F1 sebagai wahana untuk meningkatkan kepentingan dalam tawaran-tawaran sukan Malaysia. Walau bagaimanapun, Malaysia boleh meningkatkan PNK daripada pelancongan sukan dengan membangunkan dan menambah baik tawaran-tawaran sukan am, khususnya pelancongan golf.

#### Tindakan

Pembangunan padang golf di Malaysia sebahagian besarnya merupakan pelengkap kepada pembangunan hartanah dan bukan sebagai produk pelancongan itu sendiri. Walau bagaimanapun, tawaran pelancongan golf Malaysia boleh ditingkatkan dengan mempackagekan semula produk untuk mensasarkan segmen yang membawa pulangan pendapatan tinggi. Malaysia boleh memfokuskan pembangunan perniagaan pelancongan golf lebih giat lagi dengan menangani tiga bidang: (1) meningkatkan promosi dan pemasaran pelancongan golf dengan memanfaatkan tawaran-tawaran sedia ada, umpamanya acara golf antarabangsa tahunan; (2) menubuhkan Pasukan Petugas Pelancongan Golf untuk membawa bersama industri pelancongan golf untuk merancang dan melaksanakan usaha promosi dan pemasaran bersama dan (3) mengecualikan item-item tertentu yang merupakan komponen padang golf yang berkos besar daripada cukai, contohnya baja dan *buggy*.

Sektor swasta perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk menubuhkan Pasukan Petugas Pelancongan Golf untuk memastikan satu pelan nasional yang sepadu bagi membangun dan melonjakkan pelancongan golf sebagai satu produk utama untuk menarik pelancong berbelanja tinggi. Pasukan petugas khas itu akan ditubuhkan pada tahun 2011 dengan perancangan strategik yang jelas mengenai pelan-pelan promosi dan pemasaran pelancongan golf masa hadapan, terutamanya diadakan bersama dengan acara-acara antarabangsa berskala besar.

#### Pembiayaan

Jumlah pelaburan yang diperlukan adalah RM1.4 juta untuk pemasaran dan promosi pelancongan sukan.

### Impak

Menerusi penambahbaikan dan dorongan berterusan terhadap pelancongan sukan, Malaysia boleh menjangka untuk memperoleh PNK kira-kira RM0.3 bilion menjelang 2020 dan mewujudkan 2,100 pekerjaan.

## PELANCONGAN PERNIAGAAN

Pada masa ini, segmen pelancongan perniagaan mewakili satu bahagian kecil daripada industri pelancongan negara dengan hanya menyumbang 5% daripada ketibaan keseluruhan pelancong dan kira-kira 19% daripada penerimaan pada tahun 2009. Sebagai perbandingan, pelancongan perniagaan mencakupi 30% daripada ketibaan pelancong dan 40% daripada penerimaan di Singapura. Kami yakin bahawa terdapat potensi untuk mengembangkan lagi segmen ini di Malaysia.

Pelancongan perniagaan merupakan segmen yang menarik untuk dibangunkan berdasarkan pada:

- Delegasi yang datang untuk menghadiri acara perniagaan membelanja lebih tiga kali ganda daripada pelancong biasa;
- Sehingga 60% delegasi akhirnya akan kembali ke Malaysia sebagai pelancong tetap (*regular tourist*); dan
- Pelancongan perniagaan menghasilkan pulangan yang tinggi kepada pelaburan Kerajaan, iaitu pulangan sebanyak 111 kali bagi setiap Ringgit yang dilaburkan oleh Kerajaan.

### EPP 10: Memartabatkan Malaysia sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang Utama

#### Rasional

Kami menyasarkan untuk mengembangkan sumbangan ketibaan pelancongan perniagaan daripada 5% (daripada keseluruhan ketibaan pelancong di Malaysia) pada tahun 2009 kepada 8% pada tahun 2020, iaitu pertumbuhan daripada 1.2 juta pelancong perniagaan pada hari ini kepada 2.9 juta menjelang 2020.

#### Tindakan

Menyediakan sokongan dan memperuntukkan pembiayaan menerusi MyCEB. Sebuah biro konvensyen dan pameran yang cekap dan mempunyai dana yang kukuh adalah kritikal untuk memastikan Malaysia mampu untuk menjayakan pengembangan pelancongan perniagaannya. Keperluan terhadap pembiayaan yang mencukupi adalah penting memandangkan pembidaan acara pelancongan perniagaan adalah sengit. Pembiayaan diperlukan untuk keseluruhan proses: bermula daripada penyediaan dokumen pembidaan hinggalah kepada menyokong usaha wajar ketika proses pemilihan, menyediakan subsidi untuk menanggung kos ketika acara berlangsung hinggalah kepada menyokong aktiviti pasca acara.

Berdasarkan semua fakta ini, kami akan memperuntukkan RM50 juta setahun untuk dua tahun yang berikut. Pada masa hadapan, kami akan meningkatkan jumlah ini kepada RM100 juta setahun menjelang 2020, untuk menyokong pertumbuhan pelancongan perniagaan di Malaysia.

Menghususkan dua hingga tiga “*shell sites*” ikonik untuk menghoskan acara pelancongan perniagaan. “*Shell sites*” ikonik merupakan satu ciri penting bagi destinasi pelancongan perniagaan terkemuka. Lazimnya “*shell sites*” merupakan lokasi di mana jamuan makan malam gala atau pertunjukan kebudayaan diadakan bagi acara perniagaan besar (lebih daripada 3000 hingga 4000 delegasi). Pada masa kini, tidak terdapat lokasi sedemikian di Kuala Lumpur yang boleh memenuhi keperluan acara pelancongan perniagaan besar. Taman Tasik Titiwangsa merupakan satu-satunya tapak yang kerap kali digunakan. Jika dibandingkan, bandar seperti Singapura dan Bangkok mempunyai beberapa lokasi ikonik seperti Rumah Parlimen Lama di Singapura dan Taman Ros serta Istana Diraja di Bangkok. Untuk memperkukuh pelancongan perniagaan, kita akan mengenal pasti sekurang-kurangnya dua lokasi bagi tujuan menghoskan acara-acara gala.

Di samping dua syor utama ini, adalah penting dinyatakan di sini bahawa Kerajaan akan memberikan sokongan yang sepenuhnya untuk memastikan kejayaan inisiatif ini.

### Pembiayaan

Pembiayaan keseluruhan yang diperlukan adalah sebanyak RM800 juta yang akan dibiayai Kerajaan, dan jumlah ini akan digunakan sebagai sokongan kewangan (*subvention*) dan juga untuk membiayai perbelanjaan operasi dan pemasaran MyCEB.

### Impak

Impak yang dijangka daripada EPP ini adalah peningkatan PNK sebanyak RM3.9 bilion dan pewujudan 16,700 pekerjaan tambahan menjelang 2020.

## KESALINGHUBUNGAN JARAK SEDERHANA DAN HOTEL YANG LEBIH BAIK

Kami telah mengenal pasti dua projek silang tema yang bakal menyokong pelaksanaan projek-projek lain: meningkatkan kesalinghubungan dengan pasaran jarak sederhana keutamaan dan menambah baik kadar, jenis dan kualiti hotel-hotel kita.

### EPP 11: Meningkatkan Kesalinghubungan dengan Pasaran Jarak Sederhana Keutamaan

#### Rasional


Pelancong dari pasaran jarak sederhana<sup>9</sup> menyumbang 53% pendapatan lebih tinggi daripada pelancong yang datang dari pasaran jarak dekat. Pasaran jarak sederhana juga mempunyai ramalan pertumbuhan paling tinggi, iaitu sebanyak 8% dari tahun 2010 hingga 2020 (berbanding 3% bagi jarak dekat dan 2% bagi jarak jauh). Walau bagaimanapun, sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Carta 10-6*, kadar ketibaan pelancong jarak sederhana Malaysia hanya 15% berbanding dengan 43% bagi Singapura dan 36% bagi Thailand. Faktor utama bagi perbezaan ini ialah jurang yang ketara dari penerbangan jarak sederhana. Pada tahun 2010, Malaysia mencatat 579 penerbangan jarak sederhana setiap minggu, berbanding dengan 928 penerbangan bagi Thailand dan 1,010 penerbangan bagi Singapura. Jurang ini adalah kritikal memandangkan kita mengharapkan 43% peningkatan ketibaan pelancong pada tahun 2020 datang dari pasaran jarak sederhana (*Carta 10-6*).

<sup>9</sup> Ditakrifkan sebagai jarak sejauh empat hingga sembilan jam perjalanan. Contoh termasuk Australia, China, India, Jepun, Timur Tengah dan Republik Korea.

**Tindakan**

Untuk menangani jurang ini, kita akan menumpukan usaha meningkatkan kekerapan penerbangan ke 10 bandar terutama dan membangunkan rangka kerja hak-hak ruang udara (*air rights*) untuk memudahkan pembangunan yang cekap laluan-laluan utama ini.

**Carta 10-6**



SUMBER: Tourism Malaysia, Tourism Authority of Thailand, Singapore Tourism Board

**Meningkatkan kekerapan penerbangan dan hak-hak ruang udara ke 10 bandar terutama.** Australia, China, India, Jepun, Republik Korea dan Taiwan dijangka menyumbang lebih 90% tambahan ketibaan pelancong dari negara-negara jarak sederhana menjelang tahun 2020. Justeru, penting untuk memberikan tumpuan terhadap bandar-bandar raya utama dalam keenam-enam negara ini di mana terdapat jurang kesalinghubungan yang ketara pada hari ini, terutamanya: Beijing, Delhi, Melbourne, Mumbai, Osaka, Seoul, Shanghai, Sydney, Taipei dan Tokyo. Berbanding dengan Singapura dan Thailand, Malaysia mempunyai jurang kekerapan penerbangan sebanyak dua angka ke sebahagian besar bandar-bandar ini. Peningkatan kekerapan penerbangan untuk menangani jurang ini dan memenuhi ketibaan pelancong pada tahun 2020 akan dicapai dengan peningkatan kapasiti tertumpu daripada syarikat penerbangan tempatan kita selain usaha khusus oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) untuk menarik lebih banyak syarikat penerbangan dari negara-negara tersebut untuk sama ada memulakan operasi atau meningkatkan kekerapan penerbangan ke Malaysia. Pada waktu yang sama, Kementerian Pengangkutan akan menumpukan usaha dalam meningkatkan hak ruang udara ke negara-negara yang pada masa ini telah mengehadkan hak-hak ruang udara masing-masing (terutamanya Australia, India dan Jepun).

**Membangunkan rangka kerja peruntukan hak ruang udara.** Sebuah rangka kerja peruntukan hak ruang udara yang telus dan liberal akan membolehkan syarikat penerbangan tempatan kita merancang dan melancarkan penerbangan tambahan ke bandar-bandar utama tersebut dengan lebih cekap setelah perundingan berkaitan dengan hak ruang udara tambahan dilakukan. Secara khususnya, Kementerian Pengangkutan akan mengenal pasti langkah-langkah tindakan segera untuk meningkatkan kesalinghubungan Malaysia ke Sydney dan Osaka dan juga bandar-bandar jarak sederhana utama yang lain iaitu Shanghai, Beijing, Mumbai, Delhi, Melbourne, Seoul, Tokyo dan Taipei yang telah pun diberikan kelulusan oleh Kementerian kepada MAS dan AirAsia X bagi menjalankan operasi. Kementerian Pengangkutan akan memudahkan pembangunan rangka kerja peruntukan hak udara dengan input dari syarikat penerbangan tempatan dan pihak berkepentingan berkaitan yang lain. Ini termasuklah proses permohonan dan juga kriteria peruntukan. Apabila rangka kerja diluluskan, syarikat penerbangan akan diberi taklimat berkaitan dengan rangka kerja baharu itu. Rangka kerja sedemikian adalah penting untuk pembangunan industri pelancongan dan penerbangan Malaysia.

### Pembiayaan

Jumlah pembiayaan adalah RM84.4 bilion dan akan digunakan untuk membiayai pembelian pesawat, melaksanakan pengembangan kapasiti lapangan terbang dan membiayai usaha pemasaran di negara-negara sasaran. Bahagian besar pembiayaan, iaitu sebanyak RM83.3 bilion akan disediakan oleh sektor swasta, manakala bakinya akan disediakan oleh Kerajaan.

### Impak

Pada keseluruhannya, impak PNK dijangka berjumlah RM3.3 bilion dengan pewujudan sebanyak 13,400 pekerjaan menjelang 2020. Selain itu, impak kesalinghubungan jarak sederhana adalah melangkaui impak pekerjaan dan PNK kerana ia merupakan pemboleh yang penting untuk menjana semua EPP yang lain.

## EPP 12: Menambah Baik Kadar, Jenis dan Kualiti Hotel

### Rasional

Hotel merupakan bahagian yang penting daripada industri pelancongan. Untuk mencapai matlamat negara dalam menarik pelancong berbelanja tinggi, kita perlu memastikan Malaysia mempunyai jenis dan kualiti hotel yang sesuai. Berbanding dengan rakan-rakan serantau kami, Malaysia pada hari ini mempunyai bilangan jenis hotel bertaraf lima bintang yang lebih rendah (iaitu 5% di Malaysia berbanding dengan 13 peratus dan 14 peratus bagi Singapura dan Thailand masing-masingnya). Untuk maju, hasrat kami untuk meningkatkan penerimaan sebanyak tiga kali ganda dan ketibaan pelancong sebanyak 1.5 kali ganda akan memerlukan lebih banyak pelaburan dalam (untuk menaik taraf terlebih dahulu dan seterusnya menambah lebih banyak penawaran) hotel empat dan lima bintang selain memastikan perkhidmatan yang lebih bermutu.

Kita perlu membolehkan pemilik hotel menjana pulangan yang mencukupi untuk menggalakkan pelaburan semula dalam sektor ini selain menarik kakitangan yang lebih berkualiti. Satu halangan utama semasa untuk mencapai hasrat ini ialah kadar hotel kita yang secara relatifnya rendah (contohnya, kadar RM320 semalam bagi hotel lima bintang di Malaysia berbanding dengan RM766 semalam di Singapura).

### Tindakan

**Menghubungkan penarafan hotel empat dan lima bintang dengan sasaran harga purata bilik.** Mulai 2013, kadar harga bilik minimum akan diperkenalkan bagi hotel empat dan lima bintang. Langkah ini diambil untuk menggalakkan keseluruhan industri hotel untuk meningkatkan kadar harga bilik bagi merapatkan jurang dengan rakan-rakan perniagaan di rantau ini. Peningkatan ini memastikan hotel boleh menyediakan kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi (melalui mengekal dan menarik masuk staf yang berkualiti) dan menggalakkan pelaburan yang lebih dalam segmen hotel empat dan lima bintang.

**Mengubah suai insentif MIDA untuk menggalakkan pelaburan dalam hotel empat dan lima bintang.** Untuk menggalakkan hotel-hotel menaik taraf dan membaik pulih aset-aset masing-masing, kami akan memperluaskan Elaun Cukai Pelaburan (ITA) untuk merangkumkan hotel-hotel bertaraf empat dan lima bintang dengan pemilikan asing. Selain itu, kita akan memberikan ITA bagi pembinaan dan pembelian baharu hotel-hotel empat dan lima bintang di seluruh Malaysia. Pada masa ini, insentif ini hanya terbuka kepada hotel bertaraf satu, dua dan tiga bintang di seluruh Malaysia dan juga empat dan lima bintang di negeri-negeri yang terpilih. ITA untuk pembaikpulihan hotel juga akan ditingkatkan daripada tiga kali ganda bagi setiap syarikat kepada lima kali ganda bagi setiap hartanah tanpa mengira pemilikan.

Susulan perbincangan awal dengan MIDA, Menteri Pelancongan akan menerajui dan menekan supaya permohonan bagi peluasan ITA diluluskan.

### Pembiayaan

Jumlah pembiayaan yang diperlukan adalah RM39.9 bilion dan jumlah ini diperlukan untuk membina anggaran tambahan bilik yang diperlukan menjelang tahun 2020. Bahagian besar pembiayaan ini, iaitu sebanyak RM38.7 bilion, akan disediakan oleh sektor swasta manakala selebihnya akan disediakan oleh Kerajaan.

### Impak

Impak yang dijangka daripada EPP ini adalah signifikan dengan sumbangan PNK sebanyak RM5.5 bilion dan 64,000 peluang pekerjaan tambahan. Ini akan dicapai menerusi peningkatan dalam bilangan hotel bertaraf empat dan lima bintang untuk memenuhi penawaran yang diunjurkan selain kadar hotel yang lebih tinggi bagi industri ini secara keseluruhan.

## PELUANG PERNIAGAAN

Di samping 12 EPP berimpak tinggi, kami juga telah mengenal pasti tiga peluang perniagaan yang akan menyokong pertumbuhan industri pelancongan. Tiga peluang perniagaan tersebut tertumpu pada (1) ruang perniagaan makanan dan minuman; (2) pengangkutan tempatan; dan (3) pengendali pelancongan.

### Peluang Perniagaan 1: Ruang Perniagaan Makanan dan Minuman

Makanan dan minuman merupakan satu daripada komponen teras perbelanjaan pelancong. Berdasarkan kepada peningkatan dalam ketibaan pelancong dan juga peralihan kepada pelancong berbelanja tinggi, terdapat peluang untuk meningkatkan PNK segmen makanan dan minuman (F&B) sebanyak RM3.6 bilion pada tahun 2020. Ini akan dicapai menerusi peningkatan dalam bilangan ruang perniagaan makanan dan minuman yang akan dipacu oleh permintaan tambahan yang terhasil daripada pertumbuhan dalam

bilangan ketibaan pelancong. Kami menjangkakan segmen makanan dan minuman akan memerlukan kira-kira RM1.4 bilion dalam perbelanjaan modal. Anggaran 9,600 pekerjaan juga akan diwujudkan disebabkan oleh peluang perniagaan, meskipun pekerjaan tersebut sebahagian besarnya merupakan jawatan bagi pekerja perkhidmatan bergaji rendah disebabkan oleh sifat industri itu sendiri.

## Peluang Perniagaan 2: Pengangkutan Tempatan

Pelancong membelanjakan hampir 10 peratus daripada perbelanjaan keseluruhan (lebih kurang sebanyak RM230 setiap lawatan) pada pengangkutan tempatan. Satu bahagian yang ketara dibelanjakan untuk pengangkutan teksi, yang menyumbang kepada 5% pertumbuhan bilangan teksi dari tahun 2007 hingga tahun 2009. Teksi tambahan untuk menyokong pertumbuhan diperlukan bukan sahaja di Lembah Klang, tetapi juga di kelompok pelancongan lain di Utara (Pulau Pinang), Selatan (Melaka dan Johor), Sabah (Kota Kinabalu) dan Sarawak (Kuching), yang dibangunkan menerusi EPP seperti Resort Bersepadu dan Pelancongan Kapal Pelayaran Persiaran. EPP tertentu, seperti Hab Biodiversiti Global, yang mempromosikan pembangunan tapak pelancongan jauh daripada pusat bandar, juga akan meningkatkan keperluan terhadap pengangkutan tempatan dan teksi. Pada keseluruhannya, impak PNK dijangka bernilai RM0.7 bilion dan 45,000 peluang pekerjaan baharu menjelang 2020. Anggaran jumlah perbelanjaan modal yang diperlukan ialah RM1.2 bilion.

## Peluang Perniagaan 3: Segmen Pengendali Lawatan

Berdasarkan pada peningkatan dalam ketibaan pelancong, terdapat peluang untuk meningkatkan PNK daripada segmen pengendali pelancongan sebanyak RM0.9 bilion menjelang tahun 2020. Ini dapat dicapai menerusi peningkatan bilangan ejen pelancongan, penambahbaikan dalam produktiviti ejen pelancongan dan peningkatan bilangan pemandu pelancong untuk memberikan khidmat kepada lebih banyak pelancong dalam negeri (*inbound*) yang datang ke Malaysia. Tambahan perbelanjaan modal sebanyak RM1.1 bilion diperlukan dan dijangka menjana 7,450 pekerjaan tambahan, termasuk 2,300 pemandu pelancong tambahan.

### Pertumbuhan Minimum

Di samping tiga peluang perniagaan, kerajaan juga menjangkakan pertumbuhan minimum hingga tahun 2020 untuk menyumbang RM23.4 bilion kepada PNK. Tahap pertumbuhan ini diperoleh berdasarkan kepada anggapan Malaysia mampu untuk mengekalkan bahagian pasaran ketibaan pelancong dari pasaran sumber berbeza di samping meningkatkan pendapatan daripada setiap pelancong pada kadar inflasi sebanyak 2.8% setahun hingga tahun 2020. Selain itu, kita juga menjangkakan pelbagai projek yang sedang dalam perancangan atau fasa pembinaan (iaitu pembangunan pelancongan di Iskandar Malaysia dan projek-projek yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad) untuk menyumbang lebih banyak lagi kepada pertumbuhan minimum ini. Kami menjangkakan anggaran 221,000 pekerjaan tambahan daripada pertumbuhan asas menjelang tahun 2020.

## PEMBOLEH LAZIM

Terdapat beberapa pemboleh lazim yang perlu diwujudkan untuk memastikan pelaksanaan EPP, peluang perniagaan dan pertumbuhan minimum yang berjaya. Pemboleh-pemboleh ini ialah:

- **Meningkat dan Memfokuskan Pemasaran:** Memastikan bahawa kita mempunyai tahap sokongan pemasaran yang sesuai dalam pasaran keutamaan;
- **Memulakan Perkhidmatan Pemudahan Visa:** Memastikan bahawa pelancong dari pasaran sasaran (contohnya China dan India) tidak tertakluk pada prosedur visa yang terlalu ketat;
- **Memastikan Bekalan Sumber Manusia Berkelayakan yang Mencukupi:** Memperkenalkan langkah-langkah untuk menangani isu-isu berkaitan dengan bekalan dan kualiti tenaga kerja dalam industri pelancongan; dan
- **Menambah Baik Persekitaran Pelancongan:** Menambah baik tawaran dan kebolehcapaian kepada pemboleh pelancongan utama (seperti perkhidmatan teksi), akses kepada pembiayaan dan pengawalseliaan, selain memperbaiki mutu perkhidmatan kakitangan barisan hadapan.

## Meningkatkan dan Memfokuskan Pemasaran


### Tinjauan Keseluruhan

Pemasaran merupakan pemboleh yang penting untuk mencapai sasaran ketibaan dan penerimaan pelancong. Secara khususnya, peningkatan perbelanjaan pemasaran membawa kepada penambahan ketibaan dan penerimaan, sebagaimana yang dibuktikan oleh korelasi 0.76 dan 0.85 perbelanjaan pemasaran dengan penerimaan dan ketibaan pelancong masing-masingnya<sup>10</sup>. Setakat ini, Malaysia telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dalam aspek ini, sebahagian besarnya disebabkan oleh destinasi kempen pemasaran “Malaysia Truly Asia” yang tertumpu dan mampan. Ia juga merupakan slogan Tourism Malaysia sejak tahun 1999. Kempen ini telah memenangi pelbagai anugerah antarabangsa dan menjadi kajian kes bagi pakar pemasaran yang handal seperti Al Reis, Jack Trout dan Paul Temporal.

Meskipun dengan pelbagai anugerah, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan yang seterusnya. Perbelanjaan pemasaran Malaysia bagi setiap pelancong sebanyak RM16 adalah lebih rendah daripada RM28 bagi Thailand, RM39 bagi Singapura dan RM60 bagi Australia (*Carta 10-7*). Ini bermakna Setiausaha bahawa pulangan terhadap pelaburan pemasaran Malaysia adalah sebanyak RM138, iaitu lebih tinggi daripada Singapura (RM100), tetapi lebih rendah daripada Thailand (RM152) dan Australia (RM198). Tambahan lagi, belanjawan kempen adalah terlalu menumpukan pasaran jarak jauh. Ini perlu diselaraskan dengan pasaran jarak sederhana yang menjadi sumber bagi sebahagian besar ketibaan pelancong yang dijangkakan pada tahun 2020. Akhirnya, penyelarasan antara pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negeri yang relevan, MAS, Air Asia, dan yang lain-lain perlu dipertingkatkan lagi apatah lagi dalam situasi sumber tersedia di setiap organisasi adalah terbatas.

<sup>10</sup> DDitakrifkan sebagai jarak sejauh empat hingga sembilan jam perjalanan. Contoh termasuk Australia, China, India, Jepun, Timur Tengah dan Republik Korea.

Carta 10-7



SUMBER: Tourism Malaysia, Singapore Tourism Board, Tourism Authority of Thailand, Tourism Australia

**Tindakan**

Belajar daripada amalan terbaik. Untuk mencapai pulangan pemasaran terbaik sebanyak 300 kali ganda menjelang 2020, Malaysia perlu mempelajari amalan terbaik organisasi pelancongan negara lain seperti Pelancongan Australia.

Menjajarkan semula belanjawan pemasaran dan sumber manusia dengan pasaran keutamaan jarak sederhana. Ini akan memerlukan pemasaran dan usaha promosi tertumpu pada pasaran jarak sederhana sasaran.

Meningkatkan perbelanjaan pemasaran. Perbelanjaan pemasaran akan ditingkatkan daripada RM386 juta pada tahun 2008 kepada RM550 juta pada tahun 2020, untuk mencapai sasaran ketibaan dan penerimaan pelancong negara.

Merancang Dua Kempen “Tahun Melawat Malaysia” pada tahun 2012 dan 2017. Kempen “Tahun Melawat Malaysia” membolehkan kita mempamerkan produk baharu serta merangsang ketibaan dan penerimaan pelancongan. Impak potensi boleh dilihat daripada Tahun Melawat Malaysia 2007, yang telah menggandakan pertumbuhan dalam penerimaan daripada 14% kepada 27% serta meningkatkan pertumbuhan ketibaan pelancong sebanyak tiga kali ganda daripada 6% kepada 20%.

Menubuhkan Pasukan Petugas Pemasaran. Objektif pasukan petugas adalah untuk membangunkan strategi pemasaran lima tahun dan pelan pemasaran tahunan. Ini termasuk menyelaraskan aktiviti pemasaran dan sumber-sumber terutamanya untuk pasaran sumber keutamaan. Pasukan ini akan dipengerusikan oleh Tourism Malaysia, dan disertai oleh pengusaha industri berkaitan termasuk syarikat penerbangan, hotel, agensi pelancongan dan organisasi pelancongan Negeri. Struktur tadbir urus ini akan diturunkan ke bawah ke peringkat negara, di mana setiap pasaran keutamaan juga akan menubuhkan pasukan petugas yang

sama, untuk mengumpulkan sumber dan secara bersama melaksanakan usaha-usaha pemasaran. Langkah ini akan membolehkan aktiviti pemasaran keseluruhan lebih tertumpu pada peringkat perancangan nasional dan pada peringkat pelaksanaan negara sumber.

## **Permulaan Perkhidmatan Pemudahan Visa (*Visa Facilitation Services*)**

### **Tinjauan Keseluruhan**

Keperluan visa berupaya memudahkan atau menghambat pembangunan segmen pelancongan, yang meliputi pelancong libur hinggalah kepada pelancong perniagaan dan penghibur. Menurut Laporan World Economic Forum's Travel and Tourism Competitiveness tahun 2009, Malaysia menduduki tempat yang pertama antara 133 buah negara dalam aspek keperluan visa.

Dengan pemansuhan kemudahan Visa Waktu Ketibaan (VOA) kepada pelancong dari lapan buah negara berkuat kuasa mulai 16 Ogos 2010, penting untuk memastikan langkah-langkah diambil untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan pengeluaran visa. Antara negara yang terjejas termasuk China dan India, yang merupakan pasaran pelancong yang terbesar. Ketibaan pelancong dari China meningkat sebanyak 7.4 peratus untuk melepasi sasaran 1 juta pelancong pada tahun 2009 manakala India mencatatkan peningkatan sebanyak 7.1 peratus dengan 589,838 pelancong pada tahun 2009. Justeru, langkah-langkah untuk memudahkan proses permohonan dan kelulusan visa di China dan India adalah diperlukan dengan segera untuk mengekalkan pertumbuhan ketibaan pelancong.

### **Tindakan**

Pemulaan Perkhidmatan Pemudahan Visa (VFS) di China dan India

Pada masa ini, VFS dilaksanakan di Mumbai dan Hyderabad di India pada dasar projek rintis. VFS melibatkan penggunaan perkhidmatan penyumberluaran untuk melaksanakan fungsi pentadbiran proses permohonan visa. VFS menawarkan jangkauan yang lebih meluas, lebih berkecekapan tinggi dan menawarkan kemudahan yang lebih baik kepada pelancong. Dalam pada itu, usaha-usaha akan dilaksanakan untuk memulakan VFS di China dan India untuk menarik lebih banyak pelancong datang berkunjung ke Malaysia.


## **Memastikan Bekalan Modal Insan Berkelayakan yang Mencukupi**

### **Tinjauan Keseluruhan**

Suatu kumpulan mantap modal insan berkelayakan adalah penting bagi kejayaan sektor pelancongan negara. Untuk mencapai rancangan pertumbuhan yang memberangsangkan ini, industri pelancongan akan memerlukan kira-kira 497,000 pekerja tambahan mulai hari ini hingga tahun 2020. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Carta 8-10*, industri pelancongan bakal memerlukan kira-kira 215,000 pekerja untuk memenuhi permintaan 12 EPP dan tambahan 282,000 pekerja untuk tiga peluang perniagaan dan pertumbuhan minimum. Dari segi pecahan mengikut kelayakan, 65% daripada tenaga kerja tambahan akan memerlukan kelayakan vokasional atau sijil dan 25% lagi memerlukan diploma, sementara baki 10% lagi memerlukan kelayakan ijazah sarjana muda atau pasca siswazah. (*Carta 10-8*).


Carta 10-8

**Sektor pelancongan memerlukan 497,000 pekerja untuk memenuhi permintaan pasaran pada tahun 2010**



Terdapat dua cabaran tertentu yang timbul. Cabaran pertama adalah untuk memastikan bahawa kita mempunyai bekalan modal insan diperlukan yang mencukupi. Pada masa ini, sektor pelancongan menghadapi kekurangan tenaga mahir tempatan kerana tidak ada warga tempatan yang mencukupi yang memasuki sektor, khususnya pada peringkat jawatan bukan pengurusan. Sebuah kajian yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) sebagaimana yang digambarkan dalam *Carta 8-11* menunjukkan jurang dalam segmen hotel tertumpu terutamanya pada pekerja barisan hadapan, F&B dan juga pengemasan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa jawatan-jawatan ini sebahagian besarnya diisi oleh pekerja asing, yang membentuk 6% daripada jumlah tenaga kerja industri hotel.

Carta 10-9



SUMBER: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Tenaga Manusia

Walau bagaimanapun, industri hotel menghadapi sekatan apabila menggaji pekerja asing, terutamanya untuk jawatan barisan hadapan. Malaysia juga menghadapi cabaran memperoleh kakitangan tempatan yang boleh memenuhi keperluan pelancong yang tidak bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Cabaran kedua yang dihadapi oleh industri pelancongan kita adalah dalam aspek menarik tenaga kerja berkualiti. Sektor pelancongan sering dilihat sebagai majikan pilihan terakhir, kerap kalinya berpunca daripada purata gaji sektor itu yang secara relatifnya rendah berbanding dengan industri-industri lain di Malaysia.

### Tindakan

Dalam tempoh jangka pendek adalah penting untuk memastikan bahawa tenaga mahir yang bersesuaian dimanfaatkan untuk menambah baik tawaran keseluruhan industri. Pelajar asing boleh membantu dalam merapatkan jurang bahasa di barisan hadapan untuk pasaran-pasaran sumber pelancong yang dikenal pasti. Dalam tempoh jangka panjang, disyorkan bahawa pekerja berpangkat rendah yang mencukupi dan juga kakitangan barisan hadapan yang lain diperoleh menerusi latihan diterajui industri yang sewajarnya. Pada masa ini, latihan tersebut dilaksanakan secara jangka pendek.

**Pelajar asing yang sedang mengikuti pengajian hospitaliti atau kursus berkaitan dengan pelancongan boleh bekerja sehingga 20 jam seminggu.** Dalam tempoh jangka pendek, amat penting untuk membenarkan lebih banyak keanjalan untuk mengambil tenaga mahir asing bekerja dalam industri hospitaliti kerana mereka berupaya memenuhi keperluan pasaran yang kita sasarkan. Pelajar asing dalam industri hospitaliti merupakan kumpulan tenaga mahir ideal yang perlu dimanfaatkan,

kerana mereka mahir dan faham tentang keperluan industri menerusi pengetahuan yang diperoleh dalam pengajian mereka. Malah, kebanyakan mereka amat berkemungkinan sekali merupakan penutur dwibahasa.

**Hotel-hotel perlu dibenarkan untuk menggaji kakitangan asing mengikut dasar kontrak tahunan dengan pembaharuan kontrak tanpa had.** Tenaga mahir asing yang berkelayakan, khususnya mereka yang berpengalaman tidak seharusnya didiskriminasikan kerana adalah mustahak untuk memastikan Malaysia berupaya memberikan tahap perkhidmatan yang diharapkan untuk menarik pelancong berbelanja tinggi. Sekiranya kita tidak mampu memenuhi tahap perkhidmatan yang diharapkan, pelancong-pelancong ini boleh memilih untuk tidak lagi kembali ke Malaysia.

Dalam tempoh jangka sederhana, sekolah-sekolah khusus boleh dikenal pasti untuk memberikan lebih banyak fokus kepada pelancongan dan dengan demikian membangunkan saluran tenaga mahir yang mantap untuk mengambil bahagian dalam industri pelancongan. Kementerian Pendidikan bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan akan membantu mengenal pasti sekolah-sekolah khusus (contohnya sekolah-sekolah di pulau dan kawasan tanah tinggi) untuk membangunkan kurikulum yang ditumpukan pada laluan kerjaya dalam pelancongan. Kurikulum ini juga akan disesuaikan dengan pembelajaran bahasa asing.

## Menambah Baik Persekitaran Pelancongan

### Tinjauan Keseluruhan

Adalah mustahak untuk memberi para pelancong pengalaman menarik yang berterusan bermula daripada ketibaan hinggalah kepada pelepasan untuk memastikan bahawa mereka meninggalkan Malaysia dengan kenang-kenangan yang indah, yang akan membawa kepada lawatan ulangan dan hebahan lisan yang positif kepada rakan-rakan dan ahli keluarga. Terdapat banyak aspek persekitaran pelancongan yang boleh diperbaiki, termasuklah perkhidmatan teksi, akses kepada maklumat menyeluruh, akses pembiayaan bagi usahawan swasta, keselamatan dan penyelenggaraan produk serta infrastruktur pelancongan.

Adalah mustahak bagi Kementerian Pelancongan untuk bekerjasama dengan semua agensi berkaitan, para peserta industri dan pihak berkepentingan lain untuk menyediakan persekitaran yang membolehkan industri ini berkembang maju, dan menjadikan Malaysia negara pelancongan yang utama. Kementerian Pelancongan juga boleh melihat pembangunan berterusan kempen-kempen pelancongan seperti *Think Tourism Act Tourism* untuk menggalakkan kesedaran dalam kalangan rakyat bahawa pelancongan merupakan industri utama kepada negara.

Malaysia masih berdepan dengan halangan menyediakan tawaran perkhidmatan berkualiti kepada para pelancong. Aduan masih berfokus kepada keadaan teksi dan kurangnya penggunaan meter. Isu-isu berkaitan dengan kakitangan barisan hadapan yang tidak berupaya memberikan perkhidmatan berkualiti atau tidak mampu bercakap dalam bahasa pelancong juga berleluasa. Kita juga perlu meningkatkan profesionalisme dan kreativiti industri. Adalah penting bahawa produk dan infrastruktur pelancongan diselenggarakan dengan baik untuk memastikan keselesaan, keselamatan dan perlindungan para pelancong.

Sektor swasta juga berdepan dengan halangan untuk mendapatkan dana bagi membangunkan produk pelancongan. Pada masa ini, terdapat dua tabung yang dikhususkan untuk pelancongan: iaitu Tabung Infrastruktur Pelancongan dan Tabung Khas Pelancongan. Meskipun, tabung-tabung tersebut dibangunkan untuk sektor swasta, syarikat-syarikat kadangkala mempunyai masalah untuk mengakses tabung-tabung

ini disebabkan oleh syarat pemilikan ekuiti yang dikenakan ke atas tabung-tabung ini atau kurangnya pengetahuan dan kelaziman bank berkaitan dengan pemberian pinjaman kepada syarikat berkaitan pelancongan. Oleh sebab itu, tidak semua projek yang disahkan oleh Kementerian Pelancongan diluluskan oleh bank. Bank peruncitan mungkin tidak memahami atau menghayati sepenuhnya sifat produk dan perkhidmatan pelancongan yang mungkin tidak boleh dicagarkan sepenuhnya. Terdapat keperluan untuk mengkaji semula tabung berkaitan dengan pelancongan untuk memastikannya ia seiring dengan keperluan industri pelancongan.

### Tindakan

Untuk membolehkan Malaysia bergerak ke hadapan, beberapa pemboleh dalam bidang perkhidmatan teks, naik taraf pelancongan, pembiayaan, jenayah dan kebersihan boleh ditangani dengan segera.

**Memperkenalkan persaingan dalam pasaran teks.** Perkhidmatan teks boleh ditambah baik dengan memperkenalkan persaingan dalam pasaran. Tourism Malaysia boleh membangunkan satu Memorandum Persefahaman bersama-sama dengan pengendali teks terpilih yang akan berjanji untuk menyampaikan standard kecemerlangan yang minimum, iaitu teks yang diselenggarakan itu mestilah bersih dan cekap serta dipandu oleh pemandu yang boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris. Sebagai timbal baliknya, Tourism Malaysia akan mempromosikan teks-teks cemerlang sedemikian di laman webnya. Model seperti itu telah dapat dilihat di negara-negara lain, seperti Mesir di mana laman web seperti Trip Advisor memaklumi para pelancong supaya mendapatkan teks bercorak petak hitam dan putih kerana ia menjamin penggunaan meter. Di Indonesia, Syarikat Blue Bird Taxi memberikan jaminan kualiti perkhidmatan cemerlang dengan memastikan penggunaan meter dan teks yang diselenggarakan dengan baik. Setelah berlalunya satu tempoh masa, pengendali teks lain di Jakarta juga meniru model yang sama untuk bersaing dengan Syarikat Teks Blue Bird, memandangkan para pelancong sudah mula berasa selesa dalam mengaitkan jenama syarikat tersebut dengan aspek kualiti dalam perkhidmatan teks.

**Memperluas kehadiran Malaysia di Internet.** Pada era kesalinghubungan global ini, saluran-saluran seperti internet adalah mustahak dalam membantu seseorang pelancong membuat keputusan terhadap destinasi pelancongan yang ingin dipilihnya. Malaysia boleh membantu meningkatkan kehadirannya di Internet atau secara dalam talian (*online presence*) dengan memanfaatkan hebahan lisan wayarles ini. Ini boleh dilakukan dengan menaja laman-laman web dalam talian atau pertandingan blog untuk meningkatkan hebahan tentang Malaysia. Negara-negara seperti Singapura telah berjaya menggunakan media sedemikian dengan menaja pertandingan seperti Anugerah Blog Asia Pasifik. Menerusi pertandingan tersebut, para peserta pertandingan diterbangkan ke Singapura untuk kunjungan lawatan, dan para penulis blog tersebut kemudiannya menulis di Internet tentang pengalaman yang dilalui oleh mereka ketika mengunjungi Singapura.

**Mempermudah akses kepada tabung bagi pembangunan produk dan perkhidmatan.** Syarikat pelancongan swasta mungkin menghadapi kesukaran untuk mengakses tabung-tabung untuk membantu mereka membangunkan produk masing-masing. Melangkah ke hadapan, peraturan-peraturan sedia ada perlu dikaji semula untuk menangani secara khusus cabaran-cabaran industri pelancongan dalam menyokong pembangunan produk. Peraturan berkenaan dengan pemilikan ekuiti atau syarat cagaran 100% mungkin perlu dikaji semula bagi memudahkan peserta industri mengakses tabung-tabung tersebut. Hal ini sangat berkaitan khususnya bagi pengendali perniagaan kecil yang mempunyai perniagaan berterusan dan memerlukan pinjaman untuk berkembang.


**Memfaatkan kawalan polis yang kerap di kawasan pelancong.** Laporan media tentang kes ragut dan jenayah lain berkaitan dengan pelancong telah menjejaskan imej Malaysia sebagai destinasi yang selamat. Lebih banyak pegawai polis kini dilihat di kawasan yang dikenal pasti di seluruh negara untuk mengurangkan kejadian-kejadian tidak diinginkan ini sebagai hasil daripada NKRA Jenayah. Pegawai polis di kawasan pelancongan boleh membantu meningkatkan pengalaman pelancong dengan berlatih bertutur dalam bahasa-bahasa tertentu terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelancong serta memberi maklumat tentang tempat-tempat pelancongan rondaan mereka. Pegawai-pegawai ini boleh memakai lencana khas berbunyi “*English Speaking*” atau “*Arabic speaking*” agar pelancong berasa lebih selesa untuk mendekati pegawai polis ini apabila diperlukan. Kehadiran polis yang berterusan di kawasan-kawasan ini juga akan berupaya menangani kebimbangan tentang soal keselamatan dan jenayah. Pasukan polis sedia ada juga boleh digunakan semula di kawasan laluan trafik pelancong yang sesak seperti Bukit Bintang untuk memastikan persekitaran yang selamat dan selesa bagi para pelancong.

**Memberikan latihan dan mengadakan kempen kawasan awam yang bersih.** Pihak berkuasa tempatan perlu memastikan bahawa ruang perniagaan atau premis (termasuk tandas) yang kerap digunakan oleh orang awam kekal bersih sepanjang masa. Syarikat-syarikat yang menawarkan khidmat pembersihan mesti bertaualiah untuk memastikan bahawa mereka berupaya menjaga kebersihan mengikut standard antarabangsa. Sektor swasta perlu menggunakan sepenuhnya Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan yang sedia ada. Kempen berterusan, seperti *Think Tourism and Act Tourism* dan *1Malaysia Clean 1Malaysia Green*, yang membantu meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pelancongan dan kebersihan perlu diteruskan dan dikekalkan.

## PEMBIAYAAN

Mencapai sasaran pertumbuhan memberangsangkan sektor pelancongan sebanyak tiga kali ganda pada tahun 2020 bakal memerlukan jumlah pembiayaan yang besar. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam *Carta 10-10*, sektor pelancongan akan memerlukan pembiayaan kumulatif sebanyak RM203.9 bilion dari tahun 2011 hingga 2020 untuk menjana peningkatan pertumbuhan PNK sebanyak RM66.7 bilion menjelang 2020. Daripada keseluruhan pembiayaan ini, hanya hampir 3% adalah dari sektor awam manakala baki 98% lagi akan datang dari sektor swasta. Kita menganggarkan bahawa 67% daripada pembiayaan keseluruhan yang diperlukan (atau RM136.6 bilion) adalah untuk 12 EPP, manakala bakinya akan diperuntukkan bagi peluang perniagaan dan juga untuk menyokong pertumbuhan minimum. Daripada jumlah RM203.9 bilion, sebahagian besar merupakan perbelanjaan modal dan baki 0.2% lagi merupakan perbelanjaan operasi yang dibiayai oleh Kerajaan untuk melengkapkan perbelanjaan sektor swasta.

Carta 10-10



Jangkaan bahawa sektor swasta akan menyumbang 97% daripada jumlah keseluruhan mencerminkan anjakan yang ketara dalam skala pembiayaan yang dilaburkan ke dalam sektor pelancongan dan juga gabungan pembiayaan awam-swasta. Contohnya, antara tahun 2006 hingga 2008, tahap purata pelaburan swasta yang dijejak oleh MIDA dalam sektor pelancongan adalah sebanyak RM1.9 bilion setahun. Mencapai cita-cita pertumbuhan bagi sektor pelancongan memerlukan tahap pelaburan hampir 10 kali ganda daripada angka yang dipetik oleh MIDA<sup>11</sup> - iaitu purata RM20 bilion setiap tahun dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

**RM136.6 Bilion untuk 12 Projek Permulaan**

12 EPP dijangka menjadi projek pemangkin yang bakal melonjakkan dan memacu pertumbuhan sektor pelancongan. Untuk menjayakan pelaksanaan 12 EPP ini dengan berkesan, jumlah kumulatif bernilai RM136.6 bilion (3% awam, 97% swasta) diperlukan dari tahun 2011 hingga 2020. Pecahan menurut tema adalah seperti yang berikut:

- **Barangan mewah mampu milik:** RM0.5 bilion untuk membiayai pelaburan (seperti laluan pejalan kaki awam berbumbung) dan melaksanakan acara-acara di presint membeli-belah KL serta memajukan tiga ruang perniagaan premium di Malaysia;
- **Kembara Alam Semula Jadi:** RM0.9 bilion untuk mengenal pasti dan menganalisis Pusat Penerokaan Hutan Hujan yang dicadangkan dan membiayai aktiviti penaiktarafan di lokasi terpilih untuk menjadi sebahagian daripada Hab Biodiversiti Global;

<sup>11</sup> Perbezaan sebenar kemungkinannya kurang daripada 10 kali ganda kerana MIDA tidak mengesan semua pelaburan swasta dalam sektor pelancongan.

- **Keseronokan seisi keluarga:** RM9.4 bilion untuk membina pusat peranginan bersepadu (iaitu hotel, kemudahan pelancongan perniagaan (pusat konvensyen), kemudahan runcit, taman tema) dan melaksanakan projek *Straits Riviera*;
- **Acara, hiburan, spa dan sukan:** RM0.8 bilion untuk meletakkan Malaysia sebagai destinasi acara terkemuka, membiayai kemasukan pembidaan untuk menarik acara-acara berprofil tinggi ke Malaysia dan menaik taraf serta mengekalkan acara sukan permotoran di Malaysia;
- **Pelancongan perniagaan:** RM0.8 bilion bagi pembiayaan bantuan kewangan dan perbelanjaan operasi untuk MyCEB; dan
- **Kesalinghubungan dan Hotel:** RM124.2 bilion untuk membiayai pembinaan hotel yang diperlukan dan pembelian pesawat oleh syarikat penerbangan tempatan.

### Pembiayaan Peluang Perniagaan dan Pertumbuhan Asas

Sejumlah RM67.3 bilion bakal diperlukan untuk membiayai peluang-peluang perniagaan dan pertumbuhan minimum, yang akan menghasilkan peningkatan impak PNK sebanyak RM29 bilion.

Bagi peluang perniagaan, sejumlah RM4 bilion akan diperlukan untuk:


- **Ruang perniagaan F&B:** Hampir RM1.4 bilion akan diperlukan untuk membiayai pertumbuhan yang dijangka dalam bilangan ruang perniagaan F&B dari tahun 2010-2020;
- **Pengendali pelancongan:** RM1.1 bilion akan diperlukan untuk pertumbuhan dalam skala dan bilangan pengendali pelancongan di dalam negara; dan
- **Pengangkutan darat:** RM1.2 bilion untuk pembelian teksi dan pengangkutan darat lain yang diperlukan memandangkan jangkaan peningkatan dalam bilangan pelancong.

Bagi pertumbuhan minimum, sejumlah RM63.6 bilion dalam pelaburan dijangka untuk mengekalkan kemudahan pelancongan semasa dan projek-projek berterusan yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

## TADBIR URUS DAN PENYAMPAIAN

Untuk memastikan bahawa EPP dilaksanakan mengikut garis masa masing-masing, suatu struktur tadbir urus yang sewajarnya akan diwujudkan, dengan Perdana Menteri menerajui Pasukan Petugas Penyampaian (DTF). Struktur tadbir urus ini ditunjukkan dalam *Carta 10-11*. Mesyuarat untuk mengemas kini DTF akan diadakan setiap suku tahunan sekali.

Carta 10-11



Menteri Pelancongan akan bertindak sebagai Menteri Peneraju bagi NKEA Pelancongan dan mempengerusikan Jawatan Kuasa Pemandu. Jawatan Kuasa Pemandu akan membuat keputusan yang perlu dan menyediakan panduan kepada pasukan kerja. Mesyuarat untuk memaklumkan perkembangan terkini kepada Menteri tentang kemajuan EPP akan diadakan pada setiap bulan.

Jawatankuasa Pemandu akan terdiri daripada wakil-wakil dari sektor awam dan swasta. Sektor awam akan diwakili oleh agensi-agensi Kerajaan yang utama dan penting kepada penyampaian EPP, dan agensi-agensi Kerajaan yang lain mungkin dijemput apabila isu-isu berkaitan dengan kementerian masing-masing berbangkit. Setiap EPP Pelancongan akan mempunyai wakil dari sektor swasta.

Kementerian Pelancongan akan menjadi Sekretariat kepada Jawatankuasa Pemandu untuk mengawas semua perkara berkaitan dengan NKEA dan juga untuk menjejak prestasi dan kemajuan pelaksanaan EPP selain menyediakan sokongan analitis kepada pasukan pelaksanaan. Semua bahan bagi pembentangan kepada Jawatankuasa Pemandu, bengkel, perjanjian awam dan sebagainya juga akan terletak di bawah tanggungjawab Sekretariat.

Setiap EPP akan dimiliki oleh agensi Kerajaan yang akan bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaannya. Ahli-ahli pasukan EPP akan terdiri daripada sektor awam dan sektor swasta. Mesyuarat kemas kini berkaitan dengan status pelaksanaan akan diadakan dengan agensi pelaksanaan masing-masing setiap dua minggu sekali. Pengenalpastian pemilik peneraju utama, agensi Kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam setiap EPP dijelaskan seperti yang berikut dalam *Jadual 10-1*.

Jadual 10-1

EPP	Pemilik inisiatif Utama	Agensi, syarikat dan organisasi lain
Menempatkan Malaysia sebagai Destinasi Membeli-belah Bebas Cukai bagi barangan pelancong	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	MITI (MIDA, SME Corp), Kementerian Kewangan (Bahagian Cukai, Kastam DiRaja Malaysia), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
Menjadikan Kuala Lumpur City Centre - Bukit Bintang sebagai Presint Membeli-belah yang meriah	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (DBKL), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, KDN (PDRM), SPAD
Membuka Tiga Ruang Perniagaan Premium Baharu di Malaysia	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, MITI (MIDA), Koridor (NCIA, IRDA)
Memartabatkan Malaysia sebagai Hab Biodiversiti Global	Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	KKLW, Agensi Kerajaan Negeri (Kementerian Pelancongan, Budaya & Alam Sekitar bagi Sabah and Sarawak), KPKT, Koridor (NCIA, IRDA, SCORE, ECER)
Membangunkan Hotel Bersepadu Ekosemula Jadi (eco-nature integrated resort) di Sabah	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	MITI (MIDA), Agensi Kerajaan Negeri (UPEN Sabah, Kementerian Pelancongan, Budaya & Alam Sekitar, Sabah), Koridor (NCIA, IRDA)
Mewujudkan <i>Straits Riviera</i>	Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan	Kementerian Pelancongan, Agensi Kerajaan Negeri (UPEN Penang, Selangor, Melaka, Johor & Sabah), KPKT, KDN, Koridor (NCIA, IRDA)
Mensasarkan lebih banyak acara antarabangsa	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (DBKL), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, KDN (JIM, PDRM), Kementerian Kewangan (Khazanah)
Mewujudkan Zon Hiburan Khas	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (DBKL), KPKT, KDN (PDRM)
Membangunkan Kepakaran tempatan dan Mengawal selia industri Spa dengan lebih baik  dan  Meluaskan tawaran pelancongan Sukan di Malaysia tanpa hanya terbatas pada penganjuran acara	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, KDN (JIM), Kementerian Kesihatan, Koridor-koridor (IRDA, NCIA)
Memartabatkan Malaysia sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang terkemuka	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (DBKL), KDN (JIM), Koridor (NCIA)
Meningkatkan kesalinghubungan dengan Pasaran Jarak Sederhana	Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan	Ministry of Tourism, SPAD, MOHA (JIM), Corridors (NCIA, IRDA, SCORE)
Memartabatkan Malaysia sebagai Destinasi Pelancongan Perniagaan yang terkemuka	Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan	MITI (MIDA), KPKT, Corridors (NCIA, IRDA, ECER, SCORE)

## Ringkasan NKEA Pelancongan

• **Peningkatan impak PNK pada tahun 2020**

**RM66.7 bilion**

• **Pekerjaan tambahan pada tahun 2020**

**497,000**

• **Sasaran/pencapaian penting dalam tempoh 6-12 bulan**

- Tarif bagi kelompok pertama barangan bebas cukai dikecualikan
- Laluan pejalan kaki di kawasan Membeli-belah KLCC-Bukit Bintang dibangunkan
- Ruang perniagaan premium yang pertama beroperasi
- Lembaga Interim Hab Biodiversiti Global ditubuhkan
- Rangka Kerja Nasional mengenai Penumpang Pelabuhan Laut dan Pelancongan Pelayaran Persiaran disempurnakan
- Majlis *Straits Riviera* ditubuhkan
- Pembangunan zon hiburan baharu Kuala Lumpur dijalankan
- Penubuhan Majlis Spa dan Kesejahteraan Nasional
- Pembidaan bermula bagi himpunan acara pelancongan perniagaan sasaran
- Rancangan pengembangan rangkaian ke bandar-bandar keutamaan diusahakan oleh syarikat penerbangan tempatan